



SELANGOR

www.selangorku.com
MediaSelangorku
MediaSelangor
tv.selangorku.com

PERCUMA 11 - 18 Mac 2016, 2 - 9 Jamadilakhir 1437H

#SmartSelangor

Institusi masjid lebih hidup




4

Di manakah menghilang?



7

Sarawak patut teladani Selangor



11

Lonjak martabat wanita



14,15&16



SELAMATKAN MALAYSIA

BERITA PENUH MUKA 2

Kekal destinasi pelaburan utama

- Menjadikan Selangor negeri pintar bertaraf dunia
- Program baru anak muda dengan kerjasama Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)
- Tingkat kebolehpasaran sumber manusia
- Mantap sektor perkilangan, perniagaan dan komersial
- Tumpu lima teras utama

BERITA LANJUT MUKA 3

Deklarasi Rakyat 'Selamatkan Malaysia'

Tekad tolak kepemimpinan Najib

OLEH NAEEM RAFFI

KUALA LUMPUR - Deklarasi Rakyat 'Selamatkan Malaysia' menyaksikan seteru politik duduk semeja membulatkan tekad menolak pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata deklarasi terbabit dizahirkan setelah melihat ada keperluan mendesak untuk membuat reformasi terhadap sistem negara.

"Dianjurkan semua pihak ketepikan ideologi politik, fahaman, agama, budaya dan meletakkan kepentingan selamatkan negara dan memulihkan ekonomi.

"Kalau dia (Najib) ada maruah, dia kena letak jawatan," katanya selepas Majlis Menandatangani Deklarasi Rakyat 'Selamatkan Malaysia' di Rumah Alumni Universiti Malaya, di sini pada 4 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata, perjuangan mereka demi kepentingan rakyat dan negara mengatasi segala-galanya.

"Setiap orang tidak lupa seja-



rah tetapi kita harus belajar daripada sejarah seperti apa berlaku hari ini.

"Kita dapat saksikan di mana setiap rakyat Malaysia berpegaruh sama ada dalam parti politik atau badan bukan kerajaan (NGO) bersetuju menurunkan tandatangan Deklarasi Rak-

kyat," katanya.

Pada masa sama, pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang yang pernah menjadi seteru ketat Tun Mahathir juga mengetepikan kisah lampauya untuk bersama-sama mengubah nasib negara dan rakyat.

"Semua rakyat sedia ketepikan

perbezaan mereka dan bangkit bersama meletakkan negara mengatasi segala-galanya.

"Kita gesa 30 juta rakyat tanpa mengira kaum, agama mahupun perbezaan politik tampil selamatkan Malaysia daripada menjadi negara gagal," katanya.

Pengerusi BERSIH, Maria Chin

Abdullah, pula berkata beliau hadir sebagai rakyat prihatin dan mahu terlibat sama mengubah nasib negara.

"Kita tidak mahu bercakap dalam masa 10 tahun lagi berkenaan rasuah, undang-undang menindas. Kami berada di sini untuk masa depan lebih baik," katanya.

Sokongan Anwar dihargai, Tun M balas dengan salam

KUALA LUMPUR - Sokongan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Deklarasi Rakyat 'Selamatkan Malaysia' dengan mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak meletakkan jawatan dihargai Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu bukan sahaja mengucapkan terima kasih, malah mengirim ucapan salam buat Anwar kepada Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Sampaikan salam dan terima kasih saya pada dia (Anwar)," katanya selepas menandatangani deklarasi terbabit pada 4 Mac lalu.

Terdahulu, Mohamed Azmin memaklumkan kepada Tun Mahathir berkenaan sokongan Anwar terhadap gerakan terbabit.

"Semalam R Sivarasa berjumpa Anwar di Sungai Buloh bagi memaklumkan perkembangan terkini politik tanah air dan beliau bersetuju untuk bekerjasama," kata Mohamed Azmin kepada Tun Mahathir.

Kami hadir sebagai rakyat prihatin

KUALA LUMPUR - Sejarah tercipta apabila ikon politik, masyarakat sivil dan badan bukan kerajaan (NGO) bergabung menyelamatkan Malaysia dengan menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kehadiran mereka adalah sebagai rakyat dan bukannya mewakili mana-mana parti politik.

"Kami hadir sebagai rakyat prihatin dan bimbang keadaan negara kini.

"Hari ini adalah sangat penting sebagai rakyat Malaysia. Kami semua bersetuju negara ini di-

pimpin seorang yang melakukan banyak kerosakan dan jika tidak disingkirkan, ia akan bertambah parah.

"Kita bersatu atas satu isu iaitu Najib perlu disingkirkan sebagai Perdana Menteri," katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Deklarasi Rakyat di Rumah Alumni Universiti Malaya, 4 Mac lalu.

Terdahulu, Deklarasi Rakyat ditandatangani pemimpin dengan dimulakan Tun Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Tun Dr Ling Liong Sik dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Hari ini adalah sangat penting sebagai rakyat Malaysia. Kami semua bersetuju negara ini dipimpin seorang yang melakukan banyak kerosakan dan jika tidak disingkirkan, ia akan bertambah parah

TUN MAHATHIR
Bekas Perdana Menteri



Pakatan sokong penglibatan kepimpinan tertinggi

KUALA LUMPUR - Majlis Presiden Pakatan menyokong pembabitan kepimpinan tertinggi gabungan itu dalam majlis Deklarasi Rakyat pada 4 Mac lalu.

Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata penglibatan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Lim Kit Siang dan Mohamed Sabu dalam majlis perjanjian itu membuktikan komitmen mereka ke arah reformasi menyelamatkan negara.

"Pakatan memandang positif beberapa perkembangan mutakhir yang menjadi bukti bahawa reformasi membawa perubahan institusi dan sistem diperjuangkan selama ini adalah satu-satunya cara menyelamatkan Malaysia," katanya dalam sidang media di pejabat Ketua Pembangkang, 7 Mac lalu.

Katanya, pengakuan Tun Mahathir secara tidak langsung menunjukkan institusi kerajaan tidak bebas hingga memangsakan Ketua

Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipenjar.

"Pakatan menetapkan pembebasan Anwar menjadi agenda utama yang akan dibawa bersama agenda reformasi lain dalam usaha menyelamatkan Malaysia.

"Strategi tiga serampang iaitu menuntut reformasi institusi, membebaskan Anwar dan menuntut Najib meletakkan jawatan akan digerakkan secara bersepadu," katanya.

Ke arah negeri pintar

Selangor tekad kekal destinasi pelaburan utama

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan terus memastikan negeri itu kekal sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan pilihan utama di Malaysia.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia selaras dengan hasrat menjadikan Selangor sebagai negeri pintar bertaraf dunia untuk jangka masa panjang.

"Idea ini boleh direalisasikan jika semua sektor seperti perkilangan, perniagaan dan komersial berada di barisan hadapan untuk memacu pertumbuhan pembangunan bersama.

"Fokus ke arah matlamat sama adalah perkara penting bagi memastikan pembangunan sebuah kerajaan dibentuk rakyat dapat dicapai," katanya pada sesi dialog dan minum petang bersama Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) di Hotel Concorde, baru-

baru ini.

Terdahulu, katanya, Kerajaan Negeri melancarkan Kem Boot Akademik dengan penyertaan 100 perintis yang baru menamatkan pengajian dari universiti tempatan dan luar negara.

Katanya, inisiatif itu adalah sebahagian daripada matlamat menuju Smart Selangor untuk meningkatkan kebolehpasaran sumber manusia.

"Keperluan bagi melengkapkan anak muda dengan kemahiran insaniah adalah penting yang tidak diajar di mana-mana universiti.

"Selangor juga sudah melaksanakan beberapa program baru untuk anak muda dengan kerjasama Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) melalui program latihan seperti *Internship for High Impact Talent dan Youth Enhancement Strategic Selangor (YES)*," katanya.



Mohamed Azmin memberi penjelasan berkenaan matlamat menuju Smart Selangor

"Najib, no more monkey business"

SERENDAH - Negara perlu dipulihkan dengan rakyat mengangkat kepimpinan pentadbiran baru di peringkat pusat dalam pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata masalah dihadapi negara kini berpunca daripada kepimpinan negara mengeneipkan kepentingan rakyat.

"Kita sedang berhadapan masalah cukup besar antaranya ekonomi, kos sara hidup dan nilai ringgi semakin rendah di mana ini semua berlaku ekoran pentadbiran di Putrajaya dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Beliau yang bertanggungjawab merosakkan ekonomi negara dan kita kena tolak Umno BN dalam pilihan raya akan datang," katanya dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina di sini, pada 5 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, negara memerlukan kepimpinan baru di Putrajaya supaya keadaan berlaku masa kini dapat dipulihkan.

Katanya, bagi mencapai tujuan itu, rakyat dari pelbagai latar be-

lakang, agama dan bangsa perlu bersatu dengan mengeneipkan fahaman politik dan ideologi masing-masing.

"Walaupun Putrajaya bermasalah, kita di Selangor bergembira dengan mencatatkan ekonomi baik dan pengurusan kewangan bertanggungjawab di mana sekarang kita mempunyai simpanan rezab RM3.1 bilion dan ini bukan derma dari Arab," katanya.

"Kita hendak ingatkan kepada Najib di Putrajaya 'no more monkey business'," katanya.

Wajibkan amalan isytihar harta elak korupsi

SHAH ALAM - Enakmen mewajibkan seluruh Ahli Dewan Negeri (ADN) di Selangor dan Adun Pulau Pinang membuat pengisytiharan harta perlu dilaksanakan.

Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Hannah Yeoh, berkata ketetapan itu diperlukan bagi memastikan negeri terbabit bebas daripada korupsi dan penyelewengan.

"Enakmen yang ada sekarang ini bukan atas dasar kewajipan, ia hanya sekadar sukarela.

"Sebab itulah pada masa depan kita harapkan kedua negeri ini mewartakan enakmen



Enakmen yang ada sekarang ini bukan atas dasar kewajipan, ia hanya sekadar sukarela

HANNAH YEOH
Speaker DNS

an Annex Dewan Negeri Selangor, pada 3 Mac lalu.

Kerajaan Selangor antara negeri terawal meneruskan deklarasi pengisytiharan harta melibat beberapa Exco, ADN dan Ahli Parlimennya.

Lima teras utama asas pembangunan Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor terus komited membangunkan ekonomi dan meningkatkan infrastruktur perindustrian bermatlamatkan lima teras utama.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kelompok itu merangkumi pelbagai industri dari angkasa lepas dengan farmaseutikal yang menawarkan instrumen lebih terancang melalui Pelan Induk Perindustrian baru.

"Apa yang kita perlu adalah pembentukan sebenar agenda pembangunan industri untuk masa hadapan dan pelan tindakan lebih strategik," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga mensasarkan peningkatan kemudahan awam di dua taman industri baru bahagian utara dan selatan Wilayah menjelang 2019.

"Kita juga akan meningkatkan

TERAS UTAMA ASAS PEMBANGUNAN SELANGOR

- Elektrik dan elektronik (E&E)
- Kelengkapan pengangkutan
- Kehidupan sains
- Perkilangan pemakanan (F&B)
- Jentera dan peralatan (M&E).

rangkaiannya pengangkutan yang berkualiti kerana ia membantu pembangunan ekonomi serta kepentingannya sebagai pergerakan pengangkutan.

"Kerajaan Negeri kini dalam usaha memuktamadkan Pelan Induk Pengangkutan baru dan konsep bandar pintar akan dilaksanakan," katanya.



Bersedia depan ancaman terhadap Islam

Sultan titah imam lebih peka

OLEH NAZLI IBRAHIM

KLANG - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya para imam peka terhadap cabaran dan ancaman cuba mencemar agama Islam dan usaha mengganggu gugat keamanan serta ketenteraman negara.

Titah Baginda Sultan, antara ancaman terbahit termasuklah Militan Negara Islam (IS), pendekatan fahaman pluralisme dan liberalisme, gerakan anti hadis dan golongan sesat.

"Imam mesti menekankan bahawa kita di Selangor ini mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Melihat bahaya ancaman terbahit yang boleh meruntuhkan dan melemahkan pegangan akidah umat Islam, para imam hendaklah memainkan peranan besar dalam mendidik, mentarbiyah dan memberi kefahaman Islam kepada ahli kariah.

"Ini dapat dilakukan dengan imam sendiri terlibat membimbing program kuliah dan pengajian di masjid untuk memberi kesedaran kepada ahli kariah," titah Baginda Sultan pada Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Imam Masjid Negeri Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah di sini.

Baginda Sultan turut menyarankan masyarakat Islam bersatu dengan mengeratkan silaturahmi dan mengelakkan berpecah belah serta berpuak-puak.

"Beta menyeru kepada imam supaya mengambil perhatian terhadap perkara ini dan profesional serta tidak mencampur adukkan urusan peribadi dan emosi dalam setiap tugas diamanahkan.

"Beta berkenan supaya aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong, kenduri kendera dan aktiviti penjaan ekonomi berlandaskan syariah dapat dipertingkatkan dengan lebih baik," titah Baginda Sultan.



1,629 calon Selangor cemerlang SPM

SHAH ALAM - Seramai 1,629 (2.41 peratus) calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memperoleh gred cemerlang (A+, A dan A-) bagi semua mata pelajaran yang diduduki pada 2015 seluruh Selangor.

Timbalan Pengarah Pendidikan Selangor, Mohd Salleh Mohd Kassim, berkata jumlah itu menurun berbanding 2014 iaitu seramai 2,122 calon (3.00 peratus) yang memperolehi gred sama.

Katanya, Gred Purata Negeri dalam peperiksaan SPM 2015 ialah 5.06 berbanding 4.95 pada

tahun 2014.

"Penurunan sebanyak 0.11 mata ini menunjukkan kuantiti pencapaian calon yang mendapat keputusan cemerlang tertinggi, cemerlang dan kepujian dalam mata pelajaran yang diambil adalah menurun.

"Sistem penggredan baru SPM dapat memperincikan lagi kecemerlangan calon apabila diperkenalkan gred lebih tinggi daripada sistem lama yang menggunakan Gred 1A. Sistem Gred A+ ialah gred Cemerlang Tertinggi," katanya dalam kenyataannya.

Masjid hidup, didik masyarakat

KLANG - Masjid di Selangor tidak lagi meriah pada hari dan masa tertentu tetapi kini kebanyakan masjid di negeri itu berjaya diarahkan sepanjang hari dengan pelbagai program manfaat.

Antaranya, Masjid Negeri Selangor, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang hampir setiap hari programnya berjalan sehingga 18 jam sehari.

Imam Besar Masjid Negeri Shah Alam, Muhammad Farhan Wijaya, berkata perubahan itu berlaku apabila institusi masjid mendapat dokongan kuat semua pihak seperti Kerajaan Negeri dan masyarakat setempat.

"Suasana pengimarah masjid dulu dan sekarang berbeza dengan adanya semangat baru dan sikap profesional pegawai agama daripada semasa ke semasa menambah

kualiti dari sudut pengurusan ini termasuk Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merancang dengan baik, ber sistematik dan dengan adanya indeks prestasi utama (KPI) yang baru.

"Alhamdulillah, ini yang kita mahu di Selangor supaya masjid hidup, contohnya Masjid Negeri, sehari lebih 18 jam kita sunun pelbagai program daripada pelbagai sudut seperti akidah, fiqh, hadis, Al-Quran sendiri dan sebagainya kerana cabang ilmu Islam itu sendiri luas," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian pada Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Imam Masjid Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah di sini.

Katanya, selain ilmu keagamaan, Masjid Negeri turut mengadakan program ilmu lain seperti teknologi maklumat (IT) dan program motivasi yang

menarik minat generasi muda datang ke masjid dan sekaligus mampu melahirkan modal insan berkualiti.

Selain itu katanya, program dan aktiviti juga perlu diselaraskan dengan situasi semasa dan bersesuaian dengan keadaan masyarakat setempat.

Sementara itu, Imam Masjid Al-Huda, Paya Jaras, Othman Ab Kadir pula berkata, pihak beliau sentiasa mendapat kerjasama baik daripada Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman.

"Bila saya maklumkan masjid mohon sesuatu bantuan untuk program tertentu, biasanya tidak menghampakan.

"Baik ADN mahupun Kerajaan Negeri berusaha membantu pengurusan masjid untuk kebaikan masyarakat Islam," katanya.

GRED CEMERLANG TERTINGGI A+Semua Mata Pelajaran (SPM)

TAHUN	CALON	PERATUS (%)
2015	27	0.004
2014	63	0.090
PENURUNAN	36	0.570

PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON Lulus Semua Mata Pelajaran (SPM)

TAHUN	CALON	PERATUS (%)
2015	37,896	56.14
2014	41,283	58.30
PENURUNAN	3,387	2.16

Sekolah Cemerlang SPM 2015

SEKOLAH	KATEGORI	CALON	PERATUS (%)
Sek. Men. Seri Puteri	Bandar	83	47.16
Sek. Men. Sains Hulu Selangor	Luar Bandar	44	23.95

Sistem pendidikan negara kucar-kacir

SHAH ALAM - Kemosotan pencapaian pelajar hari ini sama ada di institusi pengajian tinggi atau sekolah berkait rapat dengan kegagalan sistem pendidikan negara.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata sistem pendidikan seringkali berubah hingga menjadikannya kucar-kacir dan tidak menentu.

Katanya, ia menyebabkan ramai pelajar berpotensi menjadi mangsa sistem negara yang tidak menitikberatkan mereka.

"Ia berbeza dengan pelajar pada masa dahulu di mana bukan sahaja mempunyai pencapaian baik, malah nilai modal keinsanan juga tinggi.

"Hari ini kita berdepan kemosotan institusi pengajian tinggi hingga lepasannya gagal memenuhi kehendak dunia luar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika perasmian Seminar Hala Tuju Pendidikan Negara Siri Kedua di Dewan Pro Canselor Universiti Selangor (UNISEL) di sini, 5 Mac lalu.

Hadir sama Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohammad Red-

zuan Othman, Presiden Kolej Dar al-Hikmah, Datuk Dr Siddiq Fadzil dan Pengerusi Gerakan Mansuh PPSMI, Profesor Dr Shahrir Mohamad Zain.

Seminar kali ini membincangkan isu Dual Language Program (DLP): Ancaman Pada Dasar Negara yang dihadiri lebih 700 peserta.

DLP adalah dasar baru diperkenalkan Kerajaan Pusat tahun ini dan dipercayai penjenamaan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Lima huffaz Selangor muncul johan

Cermin kesuburan Islam

OLEH NAZLI IBRAHIM

SELANGOR - Kejayaan huffaz Selangor merangkul lima daripada enam kategori pada Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Ipoh, Perak pada 20 Februari lalu mencerminkan kesuburan perkembangan Islam di Selangor.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkembangan itu selaras tuntutan Islam dan pengertian Al-Quran yang secara harfiah bererti bacaan mencapai puncak kesempurnaan.

"Mewakili Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para huffaz dari Selangor yang berjaya men-

duduki tangga teratas.

"Sebaik sahaja menerima berita ini daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), saya terus menghantar tweet merakamkan penghargaan kepada delegasi negeri yang mencatatkan kecemerlangan,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi di sini, pada 2 Mac lalu.

Terdahulu, Timbalan Pengarah JAIS, Ahmad Zaki Arshad dalam ucapan alu-aluannya berkata, seramai empat huffaz Selangor dinobatkan sebagai johan dalam kategori masing-masing.



Muhammad Hafis dan Nor Faizah bergambar kenangan selepas dinobatkan juara qari dan qariah

Rezeki anak, bawa ibu tunai umrah

SELANGOR - Rezeki datang bertimpa. Itulah yang dialami Imam Muda Penjara Kajang, Muhammad Hafis Mohamad Foizi, 27, selepas diumumkan sebagai johan kategori qari dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1437H/2016M, pada 4 Mac lalu.

Kisah gembira Muhammad Hafis bermula apabila dikurniakan cahaya mata Februari lalu selepas empat tahun berkahwin, manakala kemenangan johan qari itu membolehkan beliau meneruskan hasrat mengerjakan ibadah umrah bersama ibunya.

"Hadiah wang tunai ini saya kongsi bersama anak saya kerana apabila dia lahir, Allah menambahkan rezeki saya mencurah-curah, manakala hadiah pakej umrah pula membolehkan

saya mengerjakan umrah bersama ibu.

"Sepatutnya tahun lepas saya buat umrah dengan ibu saya, tetapi terpaksa dibatalkan hasrat ini kerana simpanan tidak mencukupi,"katanya pada Majlis Penutupan Rasmi Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor di Masjid Jamek Sultan Hisamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi, di sini.

Wakil tunggal daerah Hulu Langat itu berkata, kemenangannya memberi semangat supaya lebih bersungguh-sungguh memperbaiki bacaannya sebagai persiapan ke Majlis Tilawah Peringkat Kebangsaan.

"InsyaAllah, saya akan perbaiki bacaan mana yang kurang dengan lebih bersungguh-sungguh supaya orang tahu Selangor juga mempunyai ramai qari bagus,"ka-

tanya.

Sementara itu, johan bagi kategori qariah, Nor Faizah Panut, 27, berkata, beliau tidak menyangka dipilih sebagai juara pertandingan kali ini.

"Sangat bersyukur dan tidak menyangka kerana selepas berehat setahun, Allah beri rezeki kemenangan kepada saya dan akan berlatih bersungguh-sungguh untuk ke peringkat kebangsaan,"katanya.

Juara bagi kedua kategori qari dan qariah menerima hadiah wang tunai RM5,000, pakej menunaikan umrah, piala iringan dan sepersalinan pakaian.

Hadiah disampaikan Dulu Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan diiringi Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

KEJAYAAN SELANGOR dalam Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-37

Mohamad Omar bin Mansu JOHAN
Kategori 1-30 Juzuk (Hafiz)

Syazri Muhammad Husni bin Mohd Sharoni (JOHAN)
Kategori 1-20 Juzuk (Hafiz)

Ahmad Aidil Luqman bin Nor Ismail (JOHAN)
Kategori 1-10 Juzuk (Hafiz)

Fakhira Izzah binti Fahmi (JOHAN)
Kategori 1-10 Juzuk (Hafzah)

Ainul Mardhiah binti Md Pakhrurrazi (NAIB JOHAN)
Kategori 1-30 Juzuk (Hafzah)

Dengan kerjasama

Moderator & Panelis

MUHAMMAD HARIQ

HELIZA HELMI

INAM MUDA FAKHRUL

YB Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi

BUAL BICARA JALAN KE (SIRI 1) TAHUN 2016

SYURGA

12 MAC 2016 (SABTU) | 9.30 MALAM

DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM

"HIJAU BUMI TUHAN"

Adakah Umno BN parti bermaruah?

SHAH ALAM - PAS menuntut Parlimen dibubarkan bagi menyelesaikan segala pertikaian membabitkan pentadbiran Umno Barisan Nasional (BN).

Naib Presidennya, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata gesaan itu perlu dilaksanakan bagi membuktikan Umno BN sebagai parti bermaruah.

"Apabila berhadapan keadaan seperti hari ini, mana-mana kerajaan bermaruah memanggil pilihan raya untuk membuktikan mereka masih mendapat sokongan rakyat.

"Tetapi adakah pentadbiran Umno BN sekarang adalah kerajaan bermaruah?" katanya dalam kenyataan pada 4 Mac lalu.

Iskandar berkata, hanya dengan pilihan raya semula sahaja dapat memulihkan imej negara apabila rakyat diberi peluang memilih kerajaan baru bebas rasuah dan korupsi.

"Tuntutan PAS ini jelas menunjukkan kita mahu Perdana Menteri dan Umno BN ditukar," katanya.

Skandal Najib runtuh kredibiliti negara

SHAH ALAM - Skandal dan penyelewengan kewangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meruntuhkan kredibiliti negara di peringkat antarabangsa.

Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar, berkata krisis terbabit sekali gus membuka ruang kepada pelbagai bentuk jenayah kolar putih di peringkat luar yang akhirnya mencemarkan integriti negara.

"Isu terkait ini bukan hanya berkenaan membuka pekung di dada negara sendiri kepada mata dunia.

"Sudah tiba masanya Malaysia memainkan peranan penting dalam menyelesaikan isu berkenaan rasuah merentasi sempadan dan berusaha memulihkan imej dan kredibiliti negara di mata dunia," tulisnya dalam laman blog nurulizzah.com.

Beliau berkata, kegagalan

Kerajaan Persekutuan memberihkan kembali imej terbabit bakal mengundang risiko ekonomi lebih besar dan terpaksa ditanggung rakyat.

Kebimbangan itu katanya, turut dizahirkan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zety Aziz yang menjelaskan pertikaian membabitkan 1MDB dapat diselesaikan jika isu derma RM2.6 bilion diperjelaskan Perdana Menteri.

"Banyak persoalan timbul tanpa jawapan tuntas dan ramai terlibat merentasi sempadan antarabangsa.

"Bahkan banyak risiko terpaksa ditanggung ekonomi Malaysia dan rakyat," katanya.

Sebelum ini, skandal kewangan Najib didedahkan media antarabangsa, Wall Street Journal yang mengaitkan sejumlah wang RM2.6 bilion dimasukkan ke dalam akaun peribadinya.

Tubuh Suruhanjaya Diraja Siasatan Pekerja Asing

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan digesa menubuhkan Suruhanjaya Diraja Siasatan Pekerja Asing bagi memastikan negara tidak kekal menjadi lambakan golongan terbabit.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata dasar pembangunan ekonomi harus dikaji semula supaya tidak lagi terlampaui berorientasikan buruh tidak mahir.

Sebaliknya, beliau berkata, tumpuan perlu berorientasikan pekerja tempatan berkemahiran tinggi.

"Kerajaan Persekutuan juga mesti menjelaskan apakah kesan sosial dan ekonomi kepada rakyat dengan kemasukan 1.5 juta pekerja asing dari Bangla-

desh.

"Ia memandangkan sudah ada lebih dua juta pekerja asing tanpa permit dalam negara dan apakah status sebenarnya perjanjian antara kerajaan Malaysia dan Bangladesh?" katanya semasa sidang Dewan Rakyat, di sini pada 8 Mac lalu.

Pada masa sama, katanya, segala nasihat, teguran dan pandangan konstruktif dari rakyat, masyarakat madani dan pembangkang perlu diberikan perhatian Kerajaan Persekutuan.

"Tetapi sebaliknya bila menteri bercakap, rakyat kena telan bulat-bulat.

"Ini bukan demokrasi, tetapi autokrasi sehalu namanya," katanya.

Pastikan tidak ditadbir pemimpin diktator

Hadkan kuasa PM dua penggal

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

SHAH ALAM - Kuasa Perdana Menteri perlu dihadkan selama dua penggal sahaja bagi memastikan negara tidak ditadbir pemimpin diktator dalam masa panjang.

Ketua Wanita KEADILAN, Zuraida Kamaruddin, berkata ia juga bagi memastikan tiada undang-undang autokratik dilaksanakan untuk menindas suara penentang.

Katanya, di bawah Barisan Nasional (BN), pentadbiran negara kini seolah-olah diterajui kepimpinan ala diktator apabila individu tidak sehaluan menentang tekanan daripada kerajaan pentadbir.



Zuraida Kamaruddin

Antaranya melalui pendakwaan Akta Hasutan khususnya kepada pimpinan pembangkang, aktivis dan mahasiswa.

"Umno melahirkan seorang

Perdana Menteri di bawah rejim Mahathir selama 22 tahun, seterusnya Najib Razak yang masih kekal mentadbir walaupun majoriti rakyat mendesak pengundurannya," katanya dalam kenyataan pada 8 Mac lalu.

Zuraida berkata, tumpuan seluruh anggota masyarakat perlu difokuskan bagi menolak pemimpin Umno BN ke arah pembentukan negara lebih baik.

"Negara kita sedang berada dalam keadaan reput dan rosak, dari teruk ke lebih teruk hari demi hari.

"Ia hanya boleh diselamatkan apabila kita mengeluarkan pemimpin berkuasa ini supaya kerja pemulihan dapat dilakukan segera," katanya.

Perhimpunan bantah GST dirancang 2 April

KUALA LUMPUR - Perhimpunan Mansuh Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bakal dianjurkan 2 April ini bagi mengingati setahun pelaksanaan cukai itu.

Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata rakyat yang mahukan perubahan diseru bersamasama menyemarakkan perhimpunan itu.

Katanya, bagi penganjuran Perhimpunan Muafakat Selamat Malaysia, semua pihak dan tokoh termasuk mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Umno dipelembang bersama-sama pemimpin Pakatan untuk mengemblem sokongan rakyat menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan.

"Perhimpunan terbabit adalah

terbuka dan boleh disertai pemimpin dan sesiapa sahaja yang berkongsi tujuan sama bagi mengubah keadaan di negara ini," katanya dalam sidang media di pejabat Ketua Pembangkang di sini pada 7 Mac lalu.

Pada masa sama, Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dilantik untuk mengetuai jawatankuasa penganjuran kedua perhimpunan berkenaan.



Pencarian MH370

730 hari tanpa petunjuk

OLEH MOHD EZLI MASHUT

PENJEKAKAN pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH370 genap dua tahun. Daripada hampir 3,000 komponen pada pesawat itu hanya serpihan *flaperon* ditemui di Pulau La Reunion, wilayah kecil Perancis di Lautan Hindi pada 29 Julai tahun lalu.

Terbaru pada 6 Mac 2016, serpihan kedua dipercayai kemungkinan milik pesawat itu ditemui di pulau La Reunion oleh Johnny Begue ketika dia keluar berjoging di tepi pantai serta penemuan serpihan ditemui di pantai Mozambique yang masih dalam analisis.

Dalam tempoh itu juga pencarian melibatkan pelbagai pihak antarabangsa yang menelan belanja ratusan juta menggunakan teknologi terkini masih belum menemui hasilnya.

Usaha pencarian pesawat menjangkau keluasan lebih daripada 85,000 kilometer persegi di dasar laut dan diteruskan sehingga Jun ini.

"Di manakah MH370 berada dan apa yang sebenarnya berlaku?". Persoalan itu masih kekal menjadi kejadian paling misteri dunia penerbangan antarabangsa selepas kehilangan juruterbang legenda, Amelia Earhart pada 1937.

Pesawat Boeing 777 MH370 yang dalam penerbangan ke Beijing dengan 239 penumpang dan anak kapal hilang pada awal pagi 8 Mac 2014, setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Martin Dolan, Ketua Biro Keselamatan Pengangkutan Australia, dilaporkan berkata tanpa apa-apa petunjuk baharu, misi pencarian perlu berakhir pada kira-kira Jun, lebih kurang tiga bulan dari sekarang apabila empat buah kapal: Go Phoenix, Fugro Equator, Fugro Discovery dan Fugro Supporter dijangka selesai menjalankan pencarian di perairan dekat barat Australia.

Menurut Perkara 35 Konvensyen untuk Penyatuan Peraturan Tertentut bagi Pengangkutan Udara Antarabangsa (Konvensyen Montreal) 1999, hak untuk menuntut ganti rugi terhadap MAS akan terhapus jika tindakan tidak dikemukakan dalam tempoh dua tahun bermula dari tarikh



pesawat sepatutnya tiba di Beijing, pada 8 Mac.

Imbau kembali apa yang berlaku

"Good night Malaysian three-seven-zero" - Itu mesej terakhir dari pesawat MH370, seterusnya penerbangan kapal itu penuh misteri. Tidak diketahui dengan jelas ke manakah dan apakah yang berlaku selepas itu.

Penerbangan MH370 berlepas dari Kuala Lumpur pada 00:41 waktu tempatan. Pada 1:19, juruterbang atau pembantu juruterbang menghubungi kawalan trafik udara Malaysia. Pesawat itu kemudian menyeberang ke ruang udara Vietnam tetapi tidak pernah diperiksa di Vietnam dengan kawalan trafik udara.

Transponder pesawat, yang menghantar kedudukan pesawat ke radar, ditutup.

Radar tentera Malaysia dan Thailand mengesan pesawat ke barat, dan kemudian menuju utara. Penerbangan MH370 kali terakhir dikesan radar tentera Malaysia di 02:22, terbang di Laut Andaman.

Penerbangan MH 370 terus terbang selama hampir enam jam lebih, mengikut tujuh automatik "ping" dikesan satelit. Penyasiat rasmi menggunakan data ini menganalisis dua laluan yang mungkin bagi kapal terbang: satu ke arah utara Kazakhstan, dan satu lagi ke selatan Lautan Hindi.

Dengan menggabungkan

data satelit dan maklumat dari pesawat, mereka menganggarkan ia terbang laluan selatan, akhirnya kehabisan bahan api dan menjunam ke dalam lautan selatan India.

Namun, kejadian sebenar tidak diketahui selagi tiada bukti dari kotak hitam dan bukti lain.

Masihkah ada harapan ditemui?

Keluarga mangsa MH370 pastinya menanti jawapan sebenar semenjak hari kehilangan. Pasti hari mendatang juga masih dinanti sehingga serpihan utama MH370 ditemui.

Pencarian mesti diteruskan walaupun mengambil masa lama. Kerana hanya dengan penemuan sahaja dapat merungkai misteri nasib pesawat itu dan lebih penting adalah pelajaran dan langkah diambil susulan tragedi itu.

Setiap tahun kira-kira 3.7 bilion penumpang menggunakan kapal terbang untuk pelbagai tujuan. Justeru dengan pencarian ini sangat penting bagi mengelakkan kejadian serupa berlaku di masa hadapan.

Kertas putih siasat tragedi MH370

Adalah dicadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mengadakan kertas putih bagi menyiasat keseluruhan tragedi itu daripada pelbagai sudut.

Siasatan juga perlu diberikan perhatian berkenaan tindakan

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tidak menghantar pesawat untuk memintas MH370 ketika mengubah haluan secara tiba-tiba.

Aspek keselamatan di lapangan terbang juga perlu diberi perhatian supaya tiada penerbosan elemen keganasan yang boleh mengancam industri penerbangan negara.

Kerajaan juga perlu bersuara dan memberikan jawapan tepat kepada keluarga mangsa serta membersihkan nama juruterbang pesawat berkenaan, Kapten Zahrie Shah yang dituduh sesetengah pihak sebagai dalang kepada kehilangan pesawat itu.

Badan antarabangsa juga perlu proaktif memperbaiki sistem penjejakan pesawat secara langsung di seluruh dunia.

Pencarian mesti diteruskan walaupun mengambil masa lama. Kerana hanya dengan penemuan sahaja dapat merungkai misteri nasib pesawat itu dan lebih penting adalah pelajaran dan langkah diambil susulan tragedi itu

Kebergantungan siasatan kepada kotak hitam perlu diubah dengan teknologi lebih canggih, pantas dan tepat untuk memberikan analisis punca sesuatu tragedi.

Laporan kedudukan pesawat secara automatik juga membantu mengenal pasti kedudukan tepat jika berlaku sebarang kecemasan. Sistem perlu diperbaiki jika pesawat menemui kecelakaan seperti terhempas ia mampu memberikan reaksi pantas kepada badan pencari dan penyelamat untuk berges ke kawasan lokasi.

Diharapkan dengan kecanggihan era teknologi turut dimanfaatkan industri penerbangan bagi mengelakkan tragedi MH370 tidak ditemui sehingga kini menjadi pengajaran paling penting untuk dunia.

MOHD EZLI MASHUT adalah Penolong Editor SelangorKini

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB
KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus
PENGARANG: Nurul Farina Nazian
PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,
Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,
Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,
Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com,
Ermizi Muhammad: norazie@mediaselangor.com

PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan : budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob
GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 E-mel: info@mediaselangor.com

HERE INFO

Sales Mission 2016

Tourism giat promosi pelancong India ke Selangor

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Tourism Selangor giat mempromosikan produk pelancongan menerusi program Sales Mission 2016 bagi menarik lebih ramai lagi pelancong India ke Selangor.

Usaha itu dipergiatkan melalui program Perniagaan kepada Perniagaan (B2B) dan Kerajaan kepada Kerajaan (G2G) menerusi siri jelajah di beberapa bandar besar India bermula 26 Februari hingga 3 Mac lalu.

Pengurus Besar Tourism Selangor, Noorul Ashikin Mohd Din, berkata misi itu dijalankan bagi tujuan promosi jangka panjang ke arah pertumbuhan pelancongan Selangor.

"Terdapat perancangan bagi beberapa syarikat penerbangan di Malaysia seperti Malindo



Air dan Air Asia untuk mewujudkan penerbangan terus dari bandar berkenaan ke Malaysia.

"Sesi ini perlu diadakan dengan lebih awal dan sistematis untuk promosi dan kesan jangka masa panjang," katanya dalam kenyataan, pada 8 Mac

lalu. India menduduki tangga kelima dalam kedudukan senarai kemasukan pelancong paling ramai ke Selangor dengan jumlah kemasukan 170,912 pelancong bagi 2015. Jumlah itu dijangka sama-

kin bertambah dengan pelaksanaan program pelancongan dan promosi lain diperkenalkan Kerajaan Negeri.

Antara tempat menarik sentiasa dikunjungi pengunjung luar adalah taman tema, pusat membeli-belah, pelancongan MICE, pelancongan sukan dan produk lainnya seperti Sunway Lagoon, Batu Caves, i-City dan Litar F1 Sepang.



Noorul Ashikin

12,000 pelancong nikmati keenakan Nasi Ambang

SHAH ALAM - Seramai 12,000 pelancong termasuk daripada China menyertai Festival Nasi Ambang di Kejohanan Ping Pong 2016 anjuran Tourism Malaysia dengan kerjasama Malaysia Inbound Tourism Association (MITA) dan Pusat Konsvensyen Shah Alam (SACC) di Stadium Malawati Shah Alam, pada 6 Mac lalu.

Tourism Selangor dalam kenyataan, berkata festival itu bertujuan mempromosikan Malaysia khususnya Selangor sebagai destinasi pilihan dengan pelbagai aktiviti sukan dan beraneka makanan menarik.

"Peserta diberi peluang mengambil bahagian mencuba masakan terkenal iaitu Nasi Ambang yang merupakan salah satu makanan tradisional di Selangor.

"Festival itu juga diharapkan menyebarkan daya tarikan lain di Selangor supaya dapat mengga-

lakkan lebih banyak pasaran selain memulihkan industri pelancongan sebagai hasil berterusan," katanya.

Menu popular masyarakat Jawa terkenal di Kuala Selangor, Sabak Bernam, Sepang dan Kuala Langat itu menjadi lambang perpaduan dan sering dihidangkan semasa majlis perkahwinan, hari lahir dan kesyukuran.

Hidangan nasi putih dengan kari ayam atau ayam masak kicap, sayur-sayuran, mee, beberapa ikan masin dan daging goreng kelapa itu boleh dinikmati empat hingga lima orang dalam satu dulang.

"Ia melambangkan perpaduan dan menggalakkan keadilan dan kesaksamaan itu melalui perkongsian makanan dalam satu dulang dengan kepercayaan tidak ada perbezaan antara status, kekayaan dan kuasa,"

katanya.





1550SF • 2887SF

HAK MILIK KEKAL



KEHIDUPAN PERANGINAN

PERTAMA DI CHERAS



Kondominium

- Diliputi 60% Kehijauan
- Berlanskap 4-ekar Dek Kehijauan
- 2 Kali Ganda dengan Konsep Dwi Kunci
- Dilengkapi 17 Jenis Kemudahan Rekreasi
- Trek Jogging / Denai Hutan 610M
- Kabana Terapung
- Kolam Renang 50M dengan Dek Terapung

* Lesen Pemasar 12382-103-2016/37 (Tempoh Sah: 25/03/2013 - 24/03/2018) • Permit Binaan dan Jual: 12382-905-2016/0840 (Tempoh Sah: 14/05/2015 - 13/05/2016) • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Kajang • No Rekodlesen Pelan: HPKJ 6/9/4/2013 • Tarikh Siap: Jun 2016 • Pranggan Tanah: Bebas • Bebanan Tanah: Dicagarikan kepada Affin Bank Berhad • Jumlah Unit: 434* • Jenis: A/B/C • Harga Minima: RM787,500 • Harga Maksima: RM1,818,810 • 7% Diskaun untuk Bumiputera • Sekatan Kepentingan Tanah: Tiada

MITRALAND CHERAS SDN BHD (986536-T)
D-27-01, Menara Mitraland No 12A, Jalan RU 5/1, Kota Damansara,
RU 5, 47810 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan MALAYSIA
General Line +603 7661 8688 | Fax +603 7661 8689 | enquiries@mitraland.com.my

012-3105050 | 012-9897181

RUMAH BERKEMBAR DUA TINGKAT 2 PILIHAN REKAAN URBAN YANG MENEPATI IMPIAN ANDA

KEDIAMAN BERKONSEPKAN SENIBINA MODEN
KONTEMPORARI MENAWARKAN



AZHARA
@ ANTARA GAPI

Harga dari **RM776,550***

* Harga bumiputera selepas diskaun

- ❖ Saiz 40'x90' & 40'x80'
- ❖ Keluasan 2,796kps & 2,714kps

CASSIA
@ ANTARA GAPI

Harga dari **RM679,830***

* harga Bumiputera selepas diskaun



54 RUMAH
BERKEMBAR EKSKLUSIVE
-DWI 'FRONTAGE'
40'X80'
Unit Terhad

016 251 0113 | 019 344 3109
013 939 0310 | 013 342 1098
013 393 8183 | 019 303 4342

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisesi Impian



PKNS



**Malaysia Reserve
Editors Choice 12
Property Awards**

**WINNER OF THE PRESTIGIOUS
SRI ASIA TOP 10 PROPERTY
DEVELOPERS AWARDS
2 YEARS RUNNING**



www.pkns-property.com

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, 40505 Shah Alam, Selangor

ADWARA - No Lesen Pemaju: 9862/02/01/2018/030 - Tarikh Sah: 21/05/2014 - 20/01/2016 - No Persekitaran: 9862/02/01/2018/030 - Tarikh Sah: 21/05/2014 - 20/01/2016 - Pihak berkuasa yang melaksanakan projek pembangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor - No. Kelulusan Perlesen: 0504/04/01/11/13/001/6 - Berkuatkuza: 08 Mac 2013 - Status hakmilik: Pajakan 99 tahun bermula pada 05 Sept 2014 - Mesejuran tanah: 11/13/001/6 - Tarikh jangka tempoh: 05/09/2014 - 05/09/2015 - 05/09/2016 - 05/09/2017 - 05/09/2018 - 05/09/2019 - 05/09/2020 - 05/09/2021 - 05/09/2022 - 05/09/2023 - 05/09/2024 - 05/09/2025 - 05/09/2026 - 05/09/2027 - 05/09/2028 - 05/09/2029 - 05/09/2030 - 05/09/2031 - 05/09/2032 - 05/09/2033 - 05/09/2034 - 05/09/2035 - 05/09/2036 - 05/09/2037 - 05/09/2038 - 05/09/2039 - 05/09/2040 - 05/09/2041 - 05/09/2042 - 05/09/2043 - 05/09/2044 - 05/09/2045 - 05/09/2046 - 05/09/2047 - 05/09/2048 - 05/09/2049 - 05/09/2050 - 05/09/2051 - 05/09/2052 - 05/09/2053 - 05/09/2054 - 05/09/2055 - 05/09/2056 - 05/09/2057 - 05/09/2058 - 05/09/2059 - 05/09/2060 - 05/09/2061 - 05/09/2062 - 05/09/2063 - 05/09/2064 - 05/09/2065 - 05/09/2066 - 05/09/2067 - 05/09/2068 - 05/09/2069 - 05/09/2070 - 05/09/2071 - 05/09/2072 - 05/09/2073 - 05/09/2074 - 05/09/2075 - 05/09/2076 - 05/09/2077 - 05/09/2078 - 05/09/2079 - 05/09/2080 - 05/09/2081 - 05/09/2082 - 05/09/2083 - 05/09/2084 - 05/09/2085 - 05/09/2086 - 05/09/2087 - 05/09/2088 - 05/09/2089 - 05/09/2090 - 05/09/2091 - 05/09/2092 - 05/09/2093 - 05/09/2094 - 05/09/2095 - 05/09/2096 - 05/09/2097 - 05/09/2098 - 05/09/2099 - 05/09/2100 - 05/09/2101 - 05/09/2102 - 05/09/2103 - 05/09/2104 - 05/09/2105 - 05/09/2106 - 05/09/2107 - 05/09/2108 - 05/09/2109 - 05/09/2110 - 05/09/2111 - 05/09/2112 - 05/09/2113 - 05/09/2114 - 05/09/2115 - 05/09/2116 - 05/09/2117 - 05/09/2118 - 05/09/2119 - 05/09/2120 - 05/09/2121 - 05/09/2122 - 05/09/2123 - 05/09/2124 - 05/09/2125 - 05/09/2126 - 05/09/2127 - 05/09/2128 - 05/09/2129 - 05/09/2130 - 05/09/2131 - 05/09/2132 - 05/09/2133 - 05/09/2134 - 05/09/2135 - 05/09/2136 - 05/09/2137 - 05/09/2138 - 05/09/2139 - 05/09/2140 - 05/09/2141 - 05/09/2142 - 05/09/2143 - 05/09/2144 - 05/09/2145 - 05/09/2146 - 05/09/2147 - 05/09/2148 - 05/09/2149 - 05/09/2150 - 05/09/2151 - 05/09/2152 - 05/09/2153 - 05/09/2154 - 05/09/2155 - 05/09/2156 - 05/09/2157 - 05/09/2158 - 05/09/2159 - 05/09/2160 - 05/09/2161 - 05/09/2162 - 05/09/2163 - 05/09/2164 - 05/09/2165 - 05/09/2166 - 05/09/2167 - 05/09/2168 - 05/09/2169 - 05/09/2170 - 05/09/2171 - 05/09/2172 - 05/09/2173 - 05/09/2174 - 05/09/2175 - 05/09/2176 - 05/09/2177 - 05/09/2178 - 05/09/2179 - 05/09/2180 - 05/09/2181 - 05/09/2182 - 05/09/2183 - 05/09/2184 - 05/09/2185 - 05/09/2186 - 05/09/2187 - 05/09/2188 - 05/09/2189 - 05/09/2190 - 05/09/2191 - 05/09/2192 - 05/09/2193 - 05/09/2194 - 05/09/2195 - 05/09/2196 - 05/09/2197 - 05/09/2198 - 05/09/2199 - 05/09/2200 - 05/09/2201 - 05/09/2202 - 05/09/2203 - 05/09/2204 - 05/09/2205 - 05/09/2206 - 05/09/2207 - 05/09/2208 - 05/09/2209 - 05/09/2210 - 05/09/2211 - 05/09/2212 - 05/09/2213 - 05/09/2214 - 05/09/2215 - 05/09/2216 - 05/09/2217 - 05/09/2218 - 05/09/2219 - 05/09/2220 - 05/09/2221 - 05/09/2222 - 05/09/2223 - 05/09/2224 - 05/09/2225 - 05/09/2226 - 05/09/2227 - 05/09/2228 - 05/09/2229 - 05/09/2230 - 05/09/2231 - 05/09/2232 - 05/09/2233 - 05/09/2234 - 05/09/2235 - 05/09/2236 - 05/09/2237 - 05/09/2238 - 05/09/2239 - 05/09/2240 - 05/09/2241 - 05/09/2242 - 05/09/2243 - 05/09/2244 - 05/09/2245 - 05/09/2246 - 05/09/2247 - 05/09/2248 - 05/09/2249 - 05/09/2250 - 05/09/2251 - 05/09/2252 - 05/09/2253 - 05/09/2254 - 05/09/2255 - 05/09/2256 - 05/09/2257 - 05/09/2258 - 05/09/2259 - 05/09/2260 - 05/09/2261 - 05/09/2262 - 05/09/2263 - 05/09/2264 - 05/09/2265 - 05/09/2266 - 05/09/2267 - 05/09/2268 - 05/09/2269 - 05/09/2270 - 05/09/2271 - 05/09/2272 - 05/09/2273 - 05/09/2274 - 05/09/2275 - 05/09/2276 - 05/09/2277 - 05/09/2278 - 05/09/2279 - 05/09/2280 - 05/09/2281 - 05/09/2282 - 05/09/2283 - 05/09/2284 - 05/09/2285 - 05/09/2286 - 05/09/2287 - 05/09/2288 - 05/09/2289 - 05/09/2290 - 05/09/2291 - 05/09/2292 - 05/09/2293 - 05/09/2294 - 05/09/2295 - 05/09/2296 - 05/09/2297 - 05/09/2298 - 05/09/2299 - 05/09/2300 - 05/09/2301 - 05/09/2302 - 05/09/2303 - 05/09/2304 - 05/09/2305 - 05/09/2306 - 05/09/2307 - 05/09/2308 - 05/09/2309 - 05/09/2310 - 05/09/2311 - 05/09/2312 - 05/09/2313 - 05/09/2314 - 05/09/2315 - 05/09/2316 - 05/09/2317 - 05/09/2318 - 05/09/2319 - 05/09/2320 - 05/09/2321 - 05/09/2322 - 05/09/2323 - 05/09/2324 - 05/09/2325 - 05/09/2326 - 05/09/2327 - 05/09/2328 - 05/09/2329 - 05/09/2330 - 05/09/2331 - 05/09/2332 - 05/09/2333 - 05/09/2334 - 05/09/2335 - 05/09/2336 - 05/09/2337 - 05/09/2338 - 05/09/2339 - 05/09/2340 - 05/09/2341 - 05/09/2342 - 05/09/2343 - 05/09/2344 - 05/09/2345 - 05/09/2346 - 05/09/2347 - 05/09/2348 - 05/09/2349 - 05/09/2350 - 05/09/2351 - 05/09/2352 - 05/09/2353 - 05/09/2354 - 05/09/2355 - 05/09/2356 - 05/09/2357 - 05/09/2358 - 05/09/2359 - 05/09/2360 - 05/09/2361 - 05/09/2362 - 05/09/2363 - 05/09/2364 - 05/09/2365 - 05/09/2366 - 05/09/2367 - 05/09/2368 - 05/09/2369 - 05/09/2370 - 05/09/2371 - 05/09/2372 - 05/09/2373 - 05/09/2374 - 05/09/2375 - 05/09/2376 - 05/09/2377 - 05/09/2378 - 05/09/2379 - 05/09/2380 - 05/09/2381 - 05/09/2382 - 05/09/2383 - 05/09/2384 - 05/09/2385 - 05/09/2386 - 05/09/2387 - 05/09/2388 - 05/09/2389 - 05/09/2390 - 05/09/2391 - 05/09/2392 - 05/09/2393 - 05/09/2394 - 05/09/2395 - 05/09/2396 - 05/09/2397 - 05/09/2398 - 05/09/2399 - 05/09/2400 - 05/09/2401 - 05/09/2402 - 05/09/2403 - 05/09/2404 - 05/09/2405 - 05/09/2406 - 05/09/2407 - 05/09/2408 - 05/09/2409 - 05/09/2410 - 05/09/2411 - 05/09/2412 - 05/09/2413 - 05/09/2414 - 05/09/2415 - 05/09/2416 - 05/09/2417 - 05/09/2418 - 05/09/2419 - 05/09/2420 - 05/09/2421 - 05/09/2422 - 05/09/2423 - 05/09/2424 - 05/09/2425 - 05/09/2426 - 05/09/2427 - 05/09/2428 - 05/09/2429 - 05/09/2430 - 05/09/2431 - 05/09/2432 - 05/09/2433 - 05/09/2434 - 05/09/2435 - 05/09/2436 - 05/09/2437 - 05/09/2438 - 05/09/2439 - 05/09/2440 - 05/09/2441 - 05/09/2442 - 05/09/2443 - 05/09/2444 - 05/09/2445 - 05/09/2446 - 05/09/2447 - 05/09/2448 - 05/09/2449 - 05/09/2450 - 05/09/2451 - 05/09/2452 - 05/09/2453 - 05/09/2454 - 05/09/2455 - 05/09/2456 - 05/09/2457 - 05/09/2458 - 05/09/2459 - 05/09/2460 - 05/09/2461 - 05/09/2462 - 05/09/2463 - 05/09/2464 - 05/09/2465 - 05/09/2466 - 05/09/2467 - 05/09/2468 - 05/09/2469 - 05/09/2470 - 05/09/2471 - 05/09/2472 - 05/09/2473 - 05/09/2474 - 05/09/2475 - 05/09/2476 - 05/09/2477 - 05/09/2478 - 05/09/2479 - 05/09/2480 - 05/09/2481 - 05/09/2482 - 05/09/2483 - 05/09/2484 - 05/09/2485 - 05/09/2486 - 05/09/2487 - 05/09/2488 - 05/09/2489 - 05/09/2490 - 05/09/2491 - 05/09/2492 - 05/09/2493 - 05/09/2494 - 05/09/2495 - 05/09/2496 - 05/09/2497 - 05/09/2498 - 05/09/2499 - 05/09/2500 - 05/09/2501 - 05/09/2502 - 05/09/2503 - 05/09/2504 - 05/09/2505 - 05/09/2506 - 05/09/2507 - 05/09/2508 - 05/09/2509 - 05/09/2510 - 05/09/2511 - 05/09/2512 - 05/09/2513 - 05/09/2514 - 05/09/2515 - 05/09/2516 - 05/09/2517 - 05/09/2518 - 05/09/2519 - 05/09/2520 - 05/09/2521 - 05/09/2522 - 05/09/2523 - 05/09/2524 - 05/09/2525 - 05/09/2526 - 05/09/2527 - 05/09/2528 - 05/09/2529 - 05/09/2530 - 05/09/2531 - 05/09/2532 - 05/09/2533 - 05/09/2534 - 05/09/2535 - 05/09/2536 - 05/09/2537 - 05/09/2538 - 05/09/2539 - 05/09/2540 - 05/09/2541 - 05/09/2542 - 05/09/2543 - 05/09/2544 - 05/09/2545 - 05/09/2546 - 05/09/2547 - 05/09/2548 - 05/09/2549 - 05/09/2550 - 05/09/2551 - 05/09/2552 - 05/09/2553 - 05/09/2554 - 05/09/2555 - 05/09/2556 - 05/09/2557 - 05/09/2558 - 05/09/2559 - 05/09/2560 - 05/09/2561 - 05/09/2562 - 05/09/2563 - 05/09/2564 - 05/09/2565 - 05/09/2566 - 05/09/2567 - 05/09/2568 - 05/09/2569 - 05/09/2570 - 05/09/2571 - 05/09/2572 - 05/09/2573 - 05/09/2574 - 05/09/2575 - 05/09/2576 - 05/09/2577 - 05/09/2578 - 05/09/2579 - 05/09/2580 - 05/09/2581 - 05/09/2582 - 05/09/2583 - 05/09/2584 - 05/09/2585 - 05/09/2586 - 05/09/2587 - 05/09/2588 - 05/09/2589 - 05/09/2590 - 05/09/2591 - 05/09/2592 - 05/09/2593 - 05/09/2594 - 05/09/2595 - 05/09/2596 - 05/09/2597 - 05/09/2598 - 05/09/2599 - 05/09/2600 - 05/09/2601 - 05/09/2602 - 05/09/2603 - 05/09/2604 - 05/09/2605 - 05/09/2606 - 05/09/2607 - 05/09/2608 - 05/09/2609 - 05/09/2610 - 05/09/2611 - 05/09/2612 - 05/09/2613 - 05/09/2614 - 05/09/2615 - 05/09/2616 - 05/09/2617 - 05/09/2618 - 05/09/2619 - 05/09/2620 - 05/09/2621 - 05/09/2622 - 05/09/2623 - 05/09/2624 - 05/09/2625 - 05/09/2626 - 05/09/2627 - 05/09/2628 - 05/09/2629 - 05/09/2630 - 05/09/2631 - 05/09/2632 - 05/09/2633 - 05/09/2634 - 05/09/2635 - 05/09/2636 - 05/09/2637 - 05/09/2638 - 05/09/2639 - 05/09/2640 - 05/09/2641 - 05/09/2642 - 05/09/2643 - 05/09/2644 - 05/09/2645 - 05/09/2646 - 05/09/2647 - 05/09/2648 - 05/09/2649 - 05/09/2650 - 05/09/2651 - 05/09/2652 - 05/09/2653 - 05/09/2654 - 05/09/2655 - 05/09/2656 - 05/09/2657 - 05/09/2658 - 05/09/2659 - 05/09/2660 - 05/09/2661 - 05/09/2662 - 05/09/2663 - 05/09/2664 - 05/09/2665 - 05/09/2666 - 05/09/2667 - 05/09/2668 - 05/09/2669 - 05/09/2670 - 05/09/2671 - 05/09/2672 - 05/09/2673 - 05/09/2674 - 05/09/2675 - 05/09/2676 - 05/09/2677 - 05/09/2678 - 05/09/2679 - 05/09/2680 - 05/09/2681 - 05/09/2682 - 05/09/2683 - 05/09/2684 - 05/09/2685 - 05/09/2686 - 05/09/2687 - 05/09/2688 - 05/09/2689 - 05/09/2690 - 05/09/2691 - 05/09/2692 - 05/09/2693 - 05/09/2694 - 05/09/2695 - 05/09/2696 - 05/09/2697 - 05/09/2698 - 05/09/2699 - 05/09/2700 - 05/09/2701 - 05/09/2702 - 05/09/2703 - 05/09/2704 - 05/09/2705 - 05/09/2706 - 05/09/2707 - 05/09/2708 - 05/09/2709 - 05/09/2710 - 05/09/2711 - 05/09/2712 - 05/09/2713 - 05/09/2714 - 05/09/2715 - 05/09/2716 - 05/09/2717 - 05/09/2718 - 05/09/2719 - 05/09/2720 - 05/09/2721 - 05/09/2722 - 05/09/2723 - 05/09/2724 - 05/09/2725 - 05/09/2726 - 05/09/2727 - 05/09/2728 - 05/09/2729 - 05/09/2730 - 05/09/2731 - 05/09/2732 - 05/09/2733 - 05/09/2734 - 05/09/2735 - 05/09/2736 - 05/09/2737 - 05/09/2738 - 05/09/2739 - 05/09/2740 - 05/09/2741 - 05/09/2742 - 05/09/2743 - 05/09/2744 - 05/09/2745 - 05/09/2746 - 05/09/2747 - 05/09/2748 - 05/09/2749 - 05/09/2750 - 05/09/2751 - 05/09/2752 - 05/09/2753 - 05/09/2754 - 05/09/2755 - 05/09/2756 - 05/09/2757 - 05/09/2758 - 05/09/2759 - 05/09/2760 - 05/09/2761 - 05/09/2762 - 05/09/2763 - 05/09/2764 - 05/09/2765 - 05/09/2766 - 05/09/2767 - 05/09/2768 - 05/09/2769 - 05/09/2770 - 05/09/2771 - 05/09/2772 - 05/09/2773 - 05/09/2774 - 05/09/2775 - 05/09/2776 - 05/09/2777 - 05/09/2778 - 05/09/2779 - 05/09/2780 - 05/09/2781 - 05/09/2782 - 05/09/2783 - 05/09/2784 - 05/09/2785 - 05/09/2786 - 05/09/2787 - 05/09/2788 - 05/09/2789 - 05/09/2790 - 05/09/2791 - 05/09/2792 - 05/09/2793 - 05/09/2794 - 05/09/2795 - 05/09/2796 - 05/09/2797 - 05/09/2798 - 05/09/2799 - 05/09/2800 - 05/09/2801 - 05/09/2802 - 05/09/2803 - 05/09/2804 - 05/09/2805 - 05/09/2806 - 05/09/2807 - 05/09/2808 - 05/09/2809 - 05/09/2810 - 05/09/2811 - 05/09/2812 - 05/09/2813 - 05/09/2814 - 05/09/2815 - 05/09/2816 - 05/09/2817 - 05/09/2818 - 05/09/2819 - 05/09/2820 - 05/09/2821 - 05/09/2822 - 05/09/2823 - 05/09/2824 - 05/09/2825 - 05/09/2826 - 05/09/2827 - 05/09/2828 - 05/09/2829 - 05/09/2830 - 05/09/2831 - 05/09/2832 - 05/09/2833 - 05/09/2834 - 05/09/2835 - 05/09/2836 - 05/09/2837 - 05/09/2838 - 05/09/2839 - 05/09/2840 - 05/09/2841 - 05/09/2842 - 05/09/2843 - 05/09/2844 - 05/09/2845 - 05/09/2846 - 05/09/2847 - 05/09/2848 - 05/09/2849 - 05/09/2850 - 05/09/2851 - 05/09/2852 - 05/09/2853 - 05/09/2854 - 05/09/2855 - 05/09/2856 - 05/09/2857 - 05/09/2858 - 05/09/2859 - 05/09/2860 - 05/09/2861 - 05/09/2862 - 05/09/2863 - 05/09/2864 - 05/09/2865 - 05/09/2866 - 05/09/2867 - 05/09/2868 - 05/09/2869 - 05/09/2870 - 05/09/28

18 tahun terbelengkalai

Akhirnya Villaria terima CFO

OLEH AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Penantian panjang hampir 18 tahun penduduk Kondominium Villaria, Taman Medan berakhir selepas mereka menerima Sijil Layak Menduduki (CFO) daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Kegembiraan jelas terpancar di wajah wakil Jawatankuasa Bertindak Pemulihan Kondominium yang menerima replika kunci sebagai tanda penyerahan kediaman oleh Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Salim Ahmad, 51, berkata kerjasama yang diberikan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri dan pemaju penyelamat, Masterson Sdn Bhd sangat dihargai memandangkan projek itu tertangguh sejak 1998.

Menceritakan pengalaman itu, beliau mengakui projek yang pernah terbelengkalai hampir merugikan pembeli kerana ia tertangguh selepas disiapkan 65 peratus. "Saya beli rumah ini dahulu di saat anak saya masih kecil dan sekarang dia sudah berusia 17 tahun.

"Banyak cabaran kami selaku



Mohamed Azmin menyerahkan replika kunci kondominium kepada pembeli

pembeli lalu demi mendapatkan hak," katanya kepada SelangorKini.

Hadir sama Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad dan Pengarah

Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Norzaton Aini Mohd Kassim.

Tinjauan SelangorKini mendapati Kondominium Villaria mempunyai 304 unit kediaman yang dibahagikan kepada dua blok

dengan kemudahan tempat letak kereta berbumbung, taman permainan, surau dan kolam renang.

Salim berkata, rumah berkeluasannya 1,000 kaki persegi berkenaan dibeli sekitar harga RM135,000 ketika itu dengan

bayaran bulanan pinjaman hampir RM1,000.

Namun, berdasarkan nilai semasa, terdapat pemilik yang menjual rumah tiga bilik dan dua bilik air itu pada harga sekitar RM450,000.



Menteri Besar Selangor Incorporated

PELAWAN MEMBERI CADANGAN

RAKAN USAHASAMA UNTUK MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") ditubuhkan dibawah Enakmen Menteri Besar Selangor [Enakmen No: 3 1994] pada 21 September 1994, untuk mentadbir aset berunsur perniagaan milik Kerajaan Negeri Selangor.

MBI mempelawa pemohon yang layak untuk mengemukakan cadangan menjadi rakan usahasama pelaburan bagi pembangunan menara telekomunikasi di Negeri Selangor selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dibawah inisiatif #SmartSelangor.

- Pelawaan dibuka kepada semua pemohon yang memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - Modal saham berbayar sekurang-kurangnya RM500,000.00.
 - Mempunyai lesen NFP-I dibawah kategori (i) *Radio Communications Transmitters and Links*; dan (ii) *Tower, Poles, Ducts and Pits Used In Conjunction with Other Network Facilities*.
 - Berpengalaman membina dan/atau memiliki dan/atau mengendalikan sekurang-kurangnya 50 menara telekomunikasi.
 - Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan beroperasi di Malaysia.
- Pemohon perlu mendapatkan Borang Pelawaan Memberi Cadangan berharga RM100.00 yang boleh didapati di Pejabat MBI beralamat di Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor.
- MBI berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, atau membatalkan pelawaan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan yang dibuat oleh MBI adalah muktamad.
- Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel kepada rfp_enquiries@mbiselangor.com.my bermula dari tarikh iklan ini dikeluarkan sehingga jam 7.30pm 23hb Mac 2016. Pertanyaan hanya boleh dibuat melalui emel. Sebarang kaedah pertanyaan lain tidak akan dilayan.
- Borang yang lengkap diisi dan ditandatangani oleh pemohon hendaklah didepositkan ke dalam Kotak Kertas Cadangan sebelum atau pada jam 12:00pm, Khamis, 24hb Mac 2016 di alamat berikut:

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

280 anak pokok bakau serikan Pulau Indah

PULAU INDAH - Central Spectrum Sdn Bhd bersama Infinity Logistic and Transport Sdn Bhd serta Westport mengambil inisiatif menanam 280 anak pokok bakau sebagai usaha memelihara ekosistem di pesisiran Sungai Chandong.

Turut disertai pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Indah, projek tanaman bakau itu adalah salah satu bentuk khidmat sosial korporat (CSR) bersama tiga syarikat di kawasan industri Fasa 3A.

Pengurus Besar Pembangunan Central Spectrum, Noor Azhurul Adnan, berkata aktiviti

itu bertujuan menyemai semangat cintakan alam semula jadi dan memelihara hutan paya bakau yang semakin pupus di Malaysia.

"Kita mahu pastikan masyarakat terutama golongan pelajar menghargai kehijauan alam sekitar demi kepentingan masa hadapan," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya mempunyai rancangan pembinaan landskap untuk riadah di kawasan industri Fasa 3A yang bakal menempatkan hampir 50 buah kilang dan dijangka siap pertengahan 2017.



Jika Sarawak ada KM Azmin versi anak watan

Tanpa 'emas hitam' Selangor mampu kecualikan cukai pintu

OLEH NAZLI IBRAHIM

Walaupun dasar lautan di Selangor tidak mengandungi 'emas hitam', sumber hasil bumi di daratannya pula tidak mempunyai khazanah banyak seperti di bumi Sarawak, namun rakyat Selangor bernasib baik apabila Kerajaan Negeri sudi berkongsi hasil yang 'sedikit' itu dengan semua lapisan rakyatnya.

Perkongsi hasil kepada rakyat itu bermula sejak Pakatan mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri. Bukan sahaja terhadap kepada 17 skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sahaja, tetapi turut dikongsi dalam pelbagai aspek bersesuaian keadaan semasa.

Contohnya, kerana menyedari kemelesetan ekonomi dan tekanan kos sara hidup rakyat semakin tinggi, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016 tidak teragak-agak mengambil keputusan memberikan pengecualian cukai taksiran kepada pemilik rumah kos rendah.

Walaupun menyedari pengecualian cukai taksiran terhadap golongan berpendapatan rendah itu bakal memberi implikasi kewangan sebanyak RM64 juta setahun terhadap Kerajaan Negeri, namun selaras dengan dasar 'Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan' yang selalu ditekankan

Mohamed Azmin, usaha membantu rakyat itu tetap diteruskan juga.

Situasi berkenaan sama sekali berbeza dengan Sarawak. Negeri paling luas di Malaysia itu memang agak bertuah berbanding Selangor. Ia susulan Sarawak memiliki sumber kekayaan hasil bumi yang melimpah ruah, baik di lautan mahupun di daratan.

Sarawak memiliki telaga petroleum dan gas yang memberi sumber kekayaan sejak berpuh tahun sebelum merdeka lagi, malah diusahakan secara komersial kemudiannya hingga menjana keuntungan berpuluh bilion ringgit. Keadaan itu sekali gus membolehkan Sarawak menikmati royalti yang sangat lumayan.

Lebih menguntungkan apabila pengeluaran petrol dan gas di Sarawak tidak berhenti setakat itu sahaja sambil menantikan telaga sedia ada kering, tetapi Petronas pada 2012 dilaporkan menjumpai dua lagi blok baru yang berpotensi menghasilkan minyak di Blok SK316 dan SK306 di perairan Sarawak.

Ini bermakna sumber kekayaan Sarawak melalui hasil gas dan petroleumnya tidak akan terhenti sekarang-kurangnya dalam masa lebih 20 tahun lagi.

Itu baru kekayaan gas dan petroleumnya, belum lagi sumber hasilnya yang lain seperti kekayaan yang dipungkah keluar

dari hutan belantaranya yang mengandungi pelbagai khazanah seperti balak bermutu tinggi dan sumber bumi lain.

Pendek kata, Sarawak memang kaya yang sepatutnya mampu memberi kesenangan dan keselesaan kepada rakyatnya dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk pembangunan infrastruktur.

Potongan cukai pintu pun berkira?

Bagaimanapun, agak malang bagi rakyat Sarawak apabila Kerajaan Negeri itu cukup berkira dengan mereka dan teragak-agak berkongsi walau hanya sedikit daripada hasil kekayaan yang dinikmati Bumi Kenyalang.

Ini jelas apabila pada awal Januari lalu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem terpaksa meminta-minta dari Kerajaan Persekutuan peruntukan tambahan semata-mata hanya untuk memberikan potongan cukai taksiran (yang entah berapa peratus). Itu pun bukanlah pengecualian sepenuhnya seperti dilaksanakan Kerajaan Selangor.

"Bagaimanapun apabila harga minyak kembali pulih barulah saya akan meminta peruntukan tambahan untuk tujuan itu daripada Kerajaan Persekutuan," katanya seperti dilaporkan media pada 17 Januari lalu ketika menyempurnakan Majlis Perasmian

Agenda Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).

Adenan bukan sahaja terpaksa meminta-minta daripada Kerajaan Persekutuan untuk memberi diskaun cukai pintu kepada rakyatnya, tetapi juga untuk membiayai pemangungan bagi rakyatnya sendiri.

Sikap manja Kerajaan Sarawak dengan pihak 'pagar yang memakan padi' itu memang tidak kena pada tempat dan akhirnya membawa padah kepada rakyat Sarawak apabila terjerumus antara negeri mempunyai kadar kemiskinan tertinggi dan pembangunannya termasuk infrastruktur pula dianggarkan ketinggalan sepuluh tahun di belakang Selangor.

"Dalam soal pembangunan, Kerajaan Persekutuan harus memahami keperluan kita yang masih jauh ketinggalan berbanding negeri di Semenanjung Malaysia," kata Adenan.

Selangor yang tidak memiliki

hasil bumi sekaya Sarawak tetapi kerajaannya mampu membantu kehidupan rakyatnya mengaharungi saat sukar dalam pelbagai aspek kehidupan seperti memberi pengecualian cukai pintu, pengecualian fi lesen perniagaan dan lain-lain. Ini tidak termasuk program tetap dalam skim MES.

Cuba bayangkan, apa yang bakal dinikmati rakyat Selangor jika negeri itu memiliki hasil bumi melimpah ruah seperti yang ada di Sarawak. Tetapi tampak agak tidak realistik kerana sekarang-kurangnya sehingga kini belum ada sebarang kera telaga minyak ditemui di Selangor.

Atau pun untuk tampak lebih realistik, lebih baik begini sahaja. Bayangkanlah Sarawak sebagai sebuah negeri yang memiliki kekayaan sumber hasil bumi melimpah ruah seperti yang ada sekarang, tetapi memiliki Ketua Menteri, Mohamed Azmin Ali versi anak watan Sarawak. Bagaimana?



Misi Selangor bantu mangsa banjir selesai

SHAH ALAM - Seramai 615 keluarga mangsa banjir di Sarawak menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri melalui Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS).

Pengerusi PANTAS, Hamsah Djabir, berkata pasukannya su-

dah mengunjungi beberapa daerah antaranya Serian, Semembu, Mambong, Batu Lintang dan Batu Kintang dalam misi selama lapan hari itu.

"Kita menerima respon amat baik daripada mangsa banjir kerana PANTAS adalah pertubuh-

an bukan kerajaan (NGO) pertama luar Sarawak tampil mengemukakan bantuan.

"Saya harap sumbangan ini dapat meringankan beban penduduk walaupun ia tidaklah seberapa jika dibandingkan dengan kerosakan serta kerugian

ditanggung mereka," katanya dalam kenyataan.

Pada masa sama, Hamsah berkata, Kerajaan Sarawak digesa mempercepatkan pelan tindakan banjir supaya isu sama tidak berulang lagi.

"Menteri dan wakil rakyat

Sarawak perlu turun padang menjaga kebajikan rakyat, bukannya hanya datang apabila tiba masa pilihan raya.

"Bajet khas untuk tebatan banjir juga perlu dibentangkan dan diluluskan di Dewan Negeri Sarawak," katanya.



01



02



03



06



05



04

01
ADN Damansara Utama, Yeo Bee Yin meluaskan masa menyertai Kulliah Jalan anjuran pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

03
ADN Batu Caves, Amirudin Shari ceria selepas menghabiskan larian sempena program Malaysia Women Marathon (MWM) 2016 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam

05
ADN Kajang, Wan Azizah Wan Ismail bersama ADN Bukit Lanjan, Elizabeth Wong memotong kek simbolik perasmian Fiesta Wanita dan Keluarga

07
ADN Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar meraikan pelajar cemerlang Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) di DUN terabit

02
ADN Sementa, Dr Daroyah Alwi menjayakan kempen Pledge For Parity sempena sambutan Hari Wanita Sedunia yang menuntut kesaksamaan gender untuk golongan itu mencapai impian

04
ADN Bangi, Shafie Ngah menzirahi warga ke-lainan upaya (OKU) dan warga emas di kediaman mereka serta menyerahkan sumbangan barangan asas

06
ADN Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari melihat keadaan longkang yang menyebabkan banjir di sekitar Taman Mutiara, Bukit Raja

08
ADN Cempaka, Dato' Iskandar Abdul Samad merasmikan Kejohanan Futsal Piala Iskandar bertempat di Dun Cempaka



07



08

UCAPAN HARI WANITA



Dato' Seri Mohamed Azmin Ali
Menteri Besar

WANITA mempunyai ciri semula jadi dalam memahami hati dan perasaan dan juga kepimpinan yang baik. Ia akan menjadi lebih mudah jika kaum lelaki membantu dan menyokong penglibatan wanita dalam menyertai politik.

Kita perlu lebih ramai wanita dalam Parlimen dan juga sebagai pemimpin politik kerana wanita membentuk lebih daripada separuh penduduk dunia, namun suara mereka kurang diwakili.

Penolakan diskriminasi gender adalah amat penting untuk memastikan persekitaran adil dan saksama bagi wanita dan kanak-kanak.

Saya akan terus menyokong betapa perlunya penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan utama untuk mana-mana organisasi.



Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail
Presiden KEADILAN / ADN Kajang

KEADILAN mengajak kaum wanita di seluruh dunia, supaya mengambil langkah pro-aktif, berganding bahu dengan kaum lelaki, agar dapat membentuk masyarakat madani yang ada jati diri dan mampu mengharungi cabaran semasa.

Wanita kini, bukan sekadar suri rumah atau duduk di belakang tabir sahaja, wanita adalah pembuat dasar, penentu hala tuju negara, pemimpin dan pembimbing masa depan anak bangsa.

Penting sekali, golongan wanita harus menanamkan iltizam bersama KEADILAN untuk menyelamatkan negara dari terjerumus ke lembah kemusnahan akibat kegagalan kepimpinan yang ada hari ini.



Dr Daroyah Alwi
Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Kerajaan Negeri Selangor komited mencapai kesaksamaan gender serta memberikan kesaksamaan hak dan peluang kepada wanita di semua peringkat.

Kerajaan Selangor sudah menyahut seruan Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan melancarkan kempen #HeForShe pada 2 Februari 2016 menyeru kaum lelaki bersama-sama dalam solidariti kesaksamaan gender dan menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.

Saya mewakili saf kepimpinan Kerajaan Negeri, #PledgeForParity berikrar mencapai kesaksamaan gender demi keadilan sosial dan keharmonian masyarakat majmuk di Selangor.

11,673 terima manfaat

HIJRAH santuni wanita lebar perniagaan jana pendapatan

KAJANG – Sehingga ke hari ini, HIJRAH Selangor merekodkan 67 peratus usahawan dalam kalangan wanita iaitu 11,673 sudah menyertai dan menerima manfaat program.

Keterlibatan usahawanita dalam industri makanan, jahitan, penjagaan kecantikan dan peruncitan itu bertepatan dengan matlamat Kerajaan Negeri membela dan menaikkan martabat wanita.

Timbalan Ketua Pengurus Operasi HIJRAH, Normaiza Yahya, berkata statistik itu membuktikan komitmen tinggi wanita memanfaatkan peluang dalam perdagangan, industri dan pembangunan ekonomi.

"Golongan wanita perlu terus diberi galakan terutamanya kepada mereka yang berusaha keras meneruskan kelangsungan hidup dengan menjadikan bidang perniagaan sebagai punca utama pendapatan.

"Untuk itu, HIJRAH menjalinkan taklimat penerangan berterusan sebagai galakan dan hebahan kepada usahawan dan peniaga kecil ini," katanya.

Usahawan HIJRAH, Mas Idayu Marzuki, 40, mengakui program itu banyak memberi manfaat terutama dalam menyalurkan



modal pusingan pinjaman tidak membebankan.

"Dahulu saya kekurangan peralatan dan modal pusingan agak terhad. Dengan adanya pinjaman HIJRAH, saya dapat memperbaiki strategi pemasaran perniagaan dan mempelbagai-kan juadah masakan.

"Alhamdulillah, hasil jualan pun makin meningkat," ka-

tanya yang kini mengusahakan perniagaan makanan.

Sementara itu, Pengusaha barangan kosmetik dan pakaian kanak-kanak, Adawiyah Yusmy A.Wahab, berkata program itu membuka peluang kepada golongan wanita untuk maju setanding lelaki dalam bidang keusahawanan yang diceburi.

"Ia adalah landasan terbaik dalam membantu usahawan ingin mendapatkan sokongan bantuan perniagaan berbentuk pinjaman, jaringan perniagaan dan sokongan moral untuk mengembangkan perniagaan "katanya yang kini memiliki tiga kiosk barangan kosmetik, pakaian kanak-kanak dan kasut di Metropoint Kajang.



Mas Idayu



Adawiyah Yusmy

OLEH LIZAWATI MADFA

DETIK sukar bergelar ibu tunggal menguruskan keluarga tidak dinafikan ada perihnya, namun ia bermakna dalam mematkan diri walaupun ada ketikanya mencengkam jiwa, meruntun perasaan, menguji emosi dan kesabaran.

Peristiwa anak tunggal berusia tiga tahun (ketika itu) longlai akibat demam panas luar biasa pada malam hari menjadi titik mula menuju hari yang lebih ceria buat Jasmin Rejab, 40.

Bangkit meninggalkan sisi kelam melakukan perubahan memastikan nasib diri dan anaknya tidak ditentukan hari, dia sebaliknya berusaha mengubah mimpi jadi realiti.

"Saya telefon teks tetapi tiada siapa mahu datang. Pada masa sama, saya tidak mahu menyusahkan sesiapa sama ada saudara atau rakan pada waktu begitu kerana tidak mahu terhitung budi.

"Saya ketepikan perasaan takut, soal keselamatan dan gagahkan diri jalan kaki berkilometer dukung anak ke hospital.

"Pada ketika itulah saya fikir mengapa tidak suatu jaringan diwujudkan bagi memberi bantuan pada bila-bila masa untuk mereka yang memerlukan," katanya membuka bicara detik cetusnya idea melahirkan perkhidmatan, GetaFriday.

GetaFriday mula beroperasi pertengahan 2015 menyediakan pembantu bagi melengkapkan apa jua jenis pekerjaan bagi mereka yang sanggup membayar, seperti mengemas dan membersihkan rumah, penghantaran barang, mengasuh binatang peliharaan serta pelbagai lagi.

Novel sumber inspirasi

Mengambil sempena nama watak seorang pembantu yang setia, 'Friday' menerusi novel, *Robinson Crusoe* karangan Daniel Defoe, Jasmin sendiri bergelar Friday yang pertama.

"Friday adalah gelaran kepada mereka yang berbesar hati untuk memberikan bantuan. Dengan sedikit bayaran atas bantuan diberikan, pelanggan tidak perlu rasa terhutang budi.

"Yang penting, GetaFriday sentiasa memastikan kesemua Friday adalah orang yang boleh dipercayai dan berkebolehan melakukan kerja diminta," katanya yang setia ditemani ibunya, Jane Soong Gaik Cheng ketika sesi temu bual.

Berwajah redup, Jasmin sempat berkongsi bagaimana anaknya juga mahu menyertai sesi pagi itu, namun terikat dengan jadual persekolahan.

Keghairahan berkongsi kisah anak tunggalnya itu menunjukkan betapa wanita penyayang ini

Bukan kerana bayaran

GetaFriday bekal pembantu setia



Jasmin (tengah) bersama rakan 'Friday' yang lain

Friday adalah gelaran kepada mereka yang berbesar hati untuk memberikan bantuan. Dengan sedikit bayaran atas bantuan diberikan, pelanggan tidak perlu rasa terhutang budi

JASMIN REJAB Pengasas GetaFriday

sanggup melakukan apa sahaja untuk anak lelakinya itu.

Selain ibu sebagai idolanya, pengasas itu juga turut ditemani rakan Friday yang lain; Doreen dan suaminya, Muzaffar Shah, Jegadeswari dan Vanessa Lee Abdullah.

Kehilangan pekerjaan pada usia 40-an adalah antara pengalaman memeritkan buat bekas krew sebuah syarikat penerbangan tempatan, Doreen.

"Saya mohon jadi Friday dan melakukan kerja membersihkan rumah. Malah saya turut membawa anak supaya dia dapat belajar dan jadi junior Friday.

"Ia bukan sahaja memberi saya peluang membantu orang lain, memberi pendapatan, tetapi tekanan saya, malah lebih penting saya dapat keluarga baru," katanya yang kelihatan

begitu seronok bercerita.

"Saya juga pernah membantu pelanggan membuat penghantaran sehingga ke Nepal. Ini bukan soal duit, tetapi keupasan dapat membantu mereka yang memerlukan itu begitu luar biasa," kata Muzaffar pula.

Walaupun mempunyai kerjaya tetap dan stabil, ibu kepada tiga cahaya mata, Jegadeswari, 41 sentiasa terluang menjadi Friday.

"Saya terlebih dahulu jadi pelanggan dan kerana sangat puas hati, saya pula kini jadi Friday. Saya tidak pernah terfikir untuk mempunyai sebuah keluarga besar yang bahagia seperti hari ini," katanya yang tinggal di Puchong.

Sementara itu, Vanessa, 27, percaya jaringan Friday yang semakin besar pastinya akan memberi manfaat lebih menyeluruh.

"Bayangkan jika kebanyakan kita adalah Friday, soal untuk jaga rumah, jagakan anak, bersihkan rumah atau apa sahaja kerja lain bukan lagi masalah kerana kita boleh saling bantu membantu," katanya yang berasal dari Sarawak.

Membantu satu keupasan

Sejenak bersama keluarga Friday, penulis merasakan keupasan yang diperolehi mereka bukan dari soal bayaran diterima tetapi lebih kepada keseronokan melakukan kebai-

kan untuk orang lain.

Jika dilihat, mereka bukan termasuk golongan yang terdesak memerlukan duit, malah ada antaranya meraih pendapatan beribu ringgit sebulan.

Namun, bergelar Friday adalah demi niat membantu mereka yang memerlukan pertolongan.

Menyentuh soal kelayakan, Jasmin berkata sesiapa pun boleh bergelar Friday dengan hanya perlu mendaftar di laman rasmi, www.getafriday.com.

Katanya, sehingga kini terdapat 55 orang Friday termasuk wanita, lelaki, tua, muda dan



juga mereka yang kurang pendengaran.

"Kita akan galakkan lebih ramai lagi golongan kurang upaya menjadi Friday kerana kita yakin semua orang mampu menyumbang dan membantu orang lain asalkan mereka mempunyai niat berbuat demikian," katanya.

Menyentuh perancangan masa hadapan, Jasmin berkata beliau kini masih dalam fasa perbincangan dengan beberapa institusi pengajian tinggi bagi menarik golongan pelajar menyertai Friday.

"Kita juga sentiasa mengulangi pelbagai pihak bekerjasama menjayakan GetaFriday supaya ia menjadi landasan membantu orang ramai menyempurnakan kerja dan menambah pendapatan.

"Sebahagian besar bayaran yang diterima akan diberikan kepada Friday kerana mereka yang melakukan kerja," katanya yang hampir sembilan tahun bergelar ibu tunggal.

Enggan menyingkap kisah duka ditinggalkan suami, Jasmin percaya setiap wanita kuat dan mampu melakukan perkara hebat untuk keluarga dan masyarakat.

"Jangan kita asyik ingat kisah lalu sebaliknya terus melangkah ke hadapan kerana banyak perkara yang menggembirakan.

"Bagi saya, membantu mereka memerlukan itulah antara perkara menggembirakan dan memberi keupasan yang sukar digambarkan dengan kata-kata," katanya.

Penderaan terhadap wanita

Ketahui hak, tampil ke hadapan

OLEH SYASYA SUFIAN

Wanita ibarat mutiara yang harus dijaga dan mahal harganya.

Mereka juga mempunyai hak sebagaimana Islam memuliakan seseorang wanita.

Mereka ciptaan istimewa untuk dilindungi, disayangi serta dihormati dan bukan untuk diperlakukan dengan ganas, disakiti dan dihina.

Walaupun negara terus memanjat era pemodenan, isu keganasan masih berlaku dalam kalangan wanita masa kini, malah ia diangkat sebagai perkara penting yang perlu mendapat perhatian masyarakat sekeliling.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah keganasan rumah tangga yang direkodkan di Selangor

pada 2015 adalah sebanyak 155 kes.

Kes penderaan itu cabangannya pelbagai, antaranya membabitkan fizikal, seksual dan mental yang boleh berlaku kepada sesiapa dan seringkali dipandang enteng komuniti hari ini.

Mengejutkan, 134 kes dicatatkan bagi penderaan fizikal, sementara penderaan mental sebanyak 18 kes, manakala penderaan seksual merekodkan tiga kes.

membaling barang dan menggunakan senjata adalah contoh jelas penderaan seumpama ini.

Begitu juga menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan tiada tempat perlindungan adalah salah satu bentuk penderaan fizikal.

Penderaan jenis ini paling mudah dikenali kerana kebiasannya tubuh mangsa menunjukkan tanda, cenderung untuk bersendirian dan trauma.



Jenis penderaan

(1) Penderaan Fizikal

Memukul, menumbuk, menampar, menggigit, menendang, melakukan, mematahkan tulang,

(2) Penderaan Seksual

Kategori penderaan seksual adalah seperti memaksa melakukan atau melihat sesuatu berbentuk seksual tanpa kemahuan wanita terbabit atau menyakiti wanita ketika melakukan hubungan.

(3) Penderaan Mental/Emosi

Ugutan, penghinaan dan menjatuhkan maruah wanita boleh meninggalkan kesan buruk sama seperti penderaan fizikal.

Ia boleh membahayakan nilai harga diri dan perasaan wanita serta keupayaannya mengawal kehidupan sendiri.

Mangsa, Siti (bukan nama sebenar), berkata beliau mengalami penderaan mental selama hampir sepuluh tahun

oleh suami yang disangka boleh menjadi pembela dan pelindung dirinya dan anak-anak.

Katanya, kebanyakan masyarakat hanya memfokuskan kepada penderaan fizikal yang kelihatan jelas pada tubuh badan, namun penderaan emosi lebih menjerat mental.

"Pada mata kasar semua kelihatan indah, tetapi kesannya mengganggu mental. Saya terpaksa menahan cacian, makian, dan hinaan dari suami bertahun lamanya.

"Di hadapan ahli keluarga dan adik beradik, dia layan dengan baik dan penuh hipokrit, tetapi hakikatnya sungguh menyiksakan apabila dia sering naik angin dan memarahi saya seperti tiada harga diri.

"Sedangkan di luar dia melakukan perkara maksiat dan melanggar perintah Allah," katanya penuh sebak.

Katanya, meskipun sudah berpisah dengan suami hampir tiga tahun, namun kata-kata kesat serta layanan yang diterima saban tahun masih meninggalkan luka di hati.

Siti kini membesarkan tiga anak gadisnya yang masih belajar dengan usaha dan kegigihan sehingga semuanya berjaya menyambung pelajaran ke universiti.

Punca wanita didera

Penderaan emosi dan mental merangkumi banyak faktor, walaupun ada suami yang tidak pernah mengasari dalam bentuk fizikal.

Namun, kebanyakannya mahir dengan komunikasi penuh makian, memperlekehkan, mengugut dan menghina hingga mengakibatkan kemurungan serta kesedihan melampau bagi isteri.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius kes penderaan yang berlaku dalam kalangan wanita dan kanak-kanak.

"Laporan diberi JKM sedikit meningkat berbanding tahun lalu

dan itu hanya dari laporan diterima sedangkan masih banyak lagi kes sedemikian atau lebih teruk tidak dilaporkan.

"Jadi untuk membantu wanita di Selangor, kita melaksanakan Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) yang ada di setiap hospital bagi memudahkan wanita didera mendapat pembelaan," katanya dalam satu temu bual eksklusif bersama SelangorKini pada 7 Mac lalu.

OSCC dan PWB

Daroyah berkata, wanita perlu memahami fungsi sebenar OSCC kerana selain rawatan, mereka turut dibantu dari segi kaunseling, tempat perlindungan dan lain-lain.

Katanya, pusat sehenti itu akan mengasingkan mangsa untuk menerima bantuan dari segi sokongan emosi dan kaunseling supaya mereka tidak mengalami trauma serius.

"Mangsa tidak perlu takut untuk membuat laporan atau bimbang akan diganggu semula pendera kerana JKM akan turut membantu mendapatkan tempat perlindungan serta khidmat guaman jika diperlukan.

"Apabila pihak hospital mengesahkan mangsa mengalami kes penderaan, mereka akan dibawa ke OSCC dan diasingkan daripada pesakit biasa supaya mangsa tidak berasa malu atau takut.

"Di samping itu, pegawai polis juga turut ditugaskan untuk mengambil keterangan daripada mangsa dan laporan polis dibuat pada masa sama," katanya.

Selain itu, Daroyah berkata, Kerajaan Negeri turut melaksanakan program Pusat Wanita Berdaya (PWB) untuk membantu golongan itu bangkit dan menceburi bidang keusahawanan.

"Dari situ mereka akan diberi pendedahan kepada dunia luar dan membuka minda bahawa masih banyak lagi peluang dan kerjaya boleh dicapai dan dilaksanakan," katanya.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	MEMBEKAL MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN ICT SEPERTI SET KOMPUTER, KOMPUTER RIBA, MESIN PENCETAK, PLOTTER, KAMERA DSLR, VIDEO KAMERA, FIREWALL DAN SERVER JKR SELANGOR	Terbuka	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) & UPEN Pengkhususan: 210100, 210101, 210102, 210103, 210107 & 210108	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 10/03/2016 (Khamis) Sehingga 24/03/2016 (Khamis)	RM50.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 31/03/2016 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Sebarang Pertanyaan sila hubungi Bahagian Pengurusan Korporat, JKR Selangor, Sek. 17, Shah Alam. No. Tel: 03 55411037

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL, Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat Tempatan:
T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Sesat tanpa arah

Mencari hala tuju, menggapai sinar harapan



OLEH AFEEQA AFEERA

TATKALA remaja lain menghabiskan masa dengan menuntut ilmu di sekolah, dia hanyut dibawa arus keseronokan dunia.

Usia 16 tahun menjadi zaman paling gelap buat Shazzwan kerana ketika itu dia bergiat aktif menjalankan aktiviti tidak sihat di sekolah dan di luar.

Ekoran kehidupan terlampau mewah, Shazzwan mula menjadi perhatian ramai dan nampak menyerlah berbanding remaja lain seusia dengannya.

Nike Air Force, Gucci dan perhiasan membaluti tubuhnya menjadikan dia begitu selesa dengan kehidupannya tanpa memikirkan kesan yang bakal memakan diri kelak.

Kepakaran dimiliki digunakan ke arah gelap dengan mengedar serta menjual pelbagai jenis dadah dan ganja hingga membolehkannya memperoleh sehingga RM100,000 sebulan.

Putus hubungan kekeluargaan

Sepanjang menjalankan 'bisnes', Shazzwan terputus hubungan dengan keluarganya dan menetap secara sendiri di Seksyen 10, Shah Alam.

Katanya, usaha keluarga menjejaki dirinya sentiasa dilakukan, namun Shazzwan lebih licik mengelak daripada bertembung mereka.

"Saya tidak jumpa keluarga langsung, malah mereka juga tidak tahu di mana hendak cari saya."

"Saya memilih untuk menetap di Shah Alam kerana pelanggan saya paling ramai di situ," katanya ketika mengimbuai sejarah silamnya bersama Selangorkini.

Menganggap pendapatannya boleh bertambah jika melakukan pekerjaan lain, Shazzwan mula berjinak-jinak dengan aktiviti ala 'hitman' iaitu mencederakan individu tertentu berdasarkan arahan.

Hanya dibayangi duit, Shazzwan berkata, dia memiliki rekrut sendiri dan hanya menunggu arahan jika perlu melakukan kerja terbabit.

Tersilap langkah

Bagaimanapun, pekerjaan itu

hanya bertahan cuma seketika ekoran dia mula diburu pihak tidak dikenali yang mahu melihat dirinya divederakan.

"Dari situ saya mula takut hingga tahap perlu membawa ramai rekrut untuk menemani saya ke mana-mana sahaja.

"Orang kata kalau kita menjinakkan buaya, buaya akan baham balik. Kalau jinakkan harimau, harimau akan guna taring dia. Saya mula rasa ada yang memburu," katanya.

Katanya, di saat dirinya diburu pihak tidak dikenali, dia juga dikehendaki polis susulan kes membabitkan pendedaran dadah dan beberapa

pa jenayah lain.

Shazzwan berkata, hidupnya tidak terurus ketika itu meskipun memiliki segalanya hingga memaksa dia melarikan diri sehingga ke Tapah dan sempadan demi menyelamatkan diri.

Namun, dia tetap diburu dan akhirnya terpaksa kembali ke Shah Alam untuk menyerah diri kepada polis ekoran bimbang divederakan pihak terbabit.

Serah diri

Menceritakan semula detik sebelum menyerah diri, Shazzwan menghubungi keluarganya untuk meminta bantuan mereka dan memohon maaf atas kesilapan dilakukan.

Saya menangis dan mengatakan kepada ibu bahawa saya hendak berubah, tidak mahu lagi hidup begini dan mahu kembali kepada Allah dan keluarga

"Saya menangis dan mengatakan kepada ibu bahawa saya hendak berubah, tidak mahu lagi hidup begini dan mahu kembali kepada Allah dan keluarga," katanya dengan linangan air mata.

Katanya, ketika itu dia berulang kali dihadapkan ke mahkamah, namun terselamat daripada dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney sebagai hukuman.

Sebaliknya, dia dihantar ke Sekolah Asrama Subang Jaya yang menempatkan pelajar bermasalah, namun tetap mahu meneruskan persekolahan seperti remaja lain.

Dia akhirnya diterima di Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Jaya SS14 dengan syarat tidak ponteng sekolah dan menjejakan diri dalam gejala sosial.

"Semua pelajar dibenarkan untuk berjalan kaki ke sekolah bagi merasa erti hidup, cuma akan ada kereta polis mengekori.

"Di sekolah itu, kita dididik untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat dan alhamdulillah pelajar lain menyambut baik kedatangan saya," katanya.

Serius dalam muzik

Shazzwan berkata, sepanjang berada di sekolah, dia sempat mengubah 50 lagu ekoran terlalu minat untuk berkarya sehinggalah mendapat peluang daripada Yayasan Raja Muda Selangor.

Bengkel tiga hari dua malam itu bertujuan mendidik pelajar untuk menilai bakat masing-masing dan Shazzwan merasakan dirinya bertuah kerana diketemukan dengan penyanyi rap tempatan, Yogi B daripada kumpulan Poetic Ammo.

"Saya memang minat hip hop, kebetulan mereka merancang untuk ketemuan saya dengan Yogi B. Ia adalah perancangan yayasan sendiri untuk membolehkan saya mendapatkan input daripadanya.

"Tumpuan saya ketika itu hanya mahu berjaya dalam muzik dan pada masa sama lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Bersambung...

Bahagian 3: Titipan Banduan Muda refleksi kehidupan Shazzwan



MWM 2016 iktiraf keupayaan wanita

SHAH ALAM - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali melepaskan peserta larian Malaysia Women Marathon (MWM) 2016 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, 6 Mac lalu.

Sambil diiringi isteri, Datin Seri Shamsihda Taharin, Mohamed Azmin melepaskan tembakan ke udara bagi menandakan bermulanya larian MWM bagi kategori 5 kilometer (km).

Beliau yang ditemui selepas pelepasan melahirkan kegembiraan sambil mengucapkan tahniah kepada Tourism Selangor kerana menganjurkan MWM secara tahunan.

Katanya, Kerajaan Negeri menghargai keupayaan wanita dan memastikan peranan wanita terus diperkasakan.

"Saya gembira apabila Tourism Selangor mengambil inisiatif

menganjurkan acara ini secara tahunan. Tahun ini sambutan-nya lebih besar berbanding tahun lalu dengan penglibatan 15 negara.

"Ini dapat menjadikan Selangor sebagai destinasi pelancongan lebih baik di masa hadapan. Kita lihat peranan wanita diberikan satu perhatian khusus dan inilah peranan kita untuk memperkasakan peranan wanita," katanya.

MWM 2016 yang bermula di Dataran Kemerdekaan Shah Alam melintasi Kota Kemuning dan bandar Rimbayu menerusi Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA) sebelum kembali ke pusat bandar sejauh 42 km.

Selain itu, MWM 2016 turut melibatkan acara Etiqa Halaf Marathon sejauh 21 km, larian 10 km dan 5 km *fun run*.

Galas tanggungjawab besar

Contohi semangat Wan Azizah

OLEH NORHAYATI UMOR

KAJANG - Setiap golongan wanita di negara ini perlu mencontohi Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mampu menggagas tanggungjawab besar sebagai ibu dan pemimpin.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata Presiden Keadilan itu berdepan pelbagai liku kehidupan sejak 1998 ditambah apabila beliau dipilih sebagai Ketua Pembangkang Malaysia.

"Perlu diingatkan peranan

wanita adalah penting bukan sahaja dalam rumah tangga, tetapi juga masyarakat. Malah suara mereka penting untuk menggubal dasar kerajaan dan mewakili suara rakyat.

"Wanita selalu dikatakan lemah dan tidak berdaya, tetapi lihat Wan Azizah ujiannya tidak henti-henti.

"Wanita seperti inilah boleh membuktikan golongan kita bukan lemah sekali gus memberikan harapan bukan sahaja keluarga, tetapi seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Fiesta Wanita dan Keluarga 2016 di

Kompleks Metropoint, di sini pada 5 Mac lalu.

Pada masa sama, Elizabeth berkata, Kerajaan Selangor sentiasa komited dalam usaha memperhebatkan agenda memartabat golongan wanita di negeri itu.

Beliau berkata, hal itu dapat dibuktikan melalui pelbagai program membabitkan wanita dianjurkan seluruh negeri.

"Kita dapat lihat program yang dijalankan melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) serta inisiatif lain dan usaha dijalankan.

"Perkara ini perlu dipuji dan usaha hebat memperkasakan



Fiesta Wanita dan Keluarga Kajang 2016 meriah

KAJANG - Fiesta Wanita dan Keluarga Kajang 2016 disambut meriah penduduk DUN terbabit.

Program yang berlangsung di Kompleks Metropoint itu menyaksikan pelbagai pertandingan membabitkan kanak-

kanak, wanita dan keluarga.

Penyelia Pusat Berdaya Wanita (PWB) Kajang, Ellia Aliza Md Arith, berkata fiesta itu bertujuan meraikan orang ramai khususnya wanita sempena Sambutan Hari Wanita, pada 8 Mac.

"Pelbagai pertandingan diadakan untuk mengeratkan lagi perhubungan dalam keluarga.

"Kita juga mahu meraikan Wanita yang banyak menghabiskan masa untuk keluarga biarpun mereka mempunyai kerjaya," katanya kepada SelangorKini.

Enam pertandingan yang diadakan itu membabitkan *Beuty Mama*, dekorasi kek, pertandingan mewarna, *Tricky Puzzle* dan Karok Famili.

Turut diadakan *zumba* dan *line dance* serta persembahan

Kita juga mahu meraikan Wanita yang banyak menghabiskan masa untuk keluarga biarpun mereka mempunyai kerjaya

ELLIA ALIZA
Penyelia PWB Kajang

tarian dari PDK Kajang (Pelatih Down Sindrom dan Autism).

Hadir merasmikan fiesta itu adalah Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam grad, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat	Grad, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID BUKIT MAHKOTA BANGI, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Grad: G6 Kategori: B Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 14/03/2016 (Isnin) Sehingga 28/03/2016 (Isnin)	RMS80.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 05.04.2016 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447748

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan) T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

*Jenis Syarikat Tempatan: A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



Shamshida bersama Halimah dan G.Manivannan menyerahkan sumbangan sempena Tahun Baru Cina

PEKAWANIS santuni penduduk Pulau Ketam edar sumbangan

PULAU KETAM - Seramai 300 penduduk terdiri daripada orang kelainan upaya (OKU), warga emas dan golongan kurang berkemampuan di sini menerima angpau dan sumbangan barangan keperluan asas sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Ia disumbangkan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS).

Sumbangan disampaikan Pengerusinya, Datin Seri Shamshida Taharin dalam majlis di Dewan Orang Ramai, Pulau Ketam.

Shamshida berkata, ia bertujuan menghargai masyarakat Cina di pulau itu supaya tidak terpinggir dengan pembangunan mahupun sambutan yang diraikan Kerajaan Negeri.

"Walaupun sudah sampai penghujung perayaan, tetapi belum terlewat untuk kita sambut. PEKAWANIS sentiasa prihatin dengan rakyat tidak mengira kaum dan agama.

"Kita juga meraikan perayaan kaum lain. Kita juga sentiasa membantu dan menyokong ibu tunggal, warga emas dan golongan kurang berkemampuan," katanya kepada SelangorKini pada 4 Mac lalu.

Beliau berharap dengan sumbangan itu sedikit sebanyak membantu keperluan penduduk Pulau Ketam.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri (ADN) Selat Klang, Dr Halimah Ali; Ahli Parlimen Kapar, G.Manivannan; ADN Pandamaran, Eric Tan dan ADN Seri

Serdang, Noor Hanim Ismail.

Selain sumbangan, rombongan turut berkesempatan menyantuni penduduk yang sakit selain melawat kawasan sekitar.

Program kemahiran teknikal tajaan INPENS

3,000 belia terima manfaat

OLEH LIZAWATI MADFA

KUALA SELANGOR - Sehingga kini, lebih 3,000 belia Selangor memperoleh manfaat tajaan program kemahiran teknikal di Kolej Antarabangsa INPENS.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V. Ganabathirau, berkata program berkenaan khusus dibuka kepada belia daripada keluarga di bawah pendapatan RM3,000.

Katanya, ia diberikan dalam bentuk tajaan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

"Dari awal lagi kita mahukan INPENS memainkan peranan memberi pendidikan dengan kos paling minima bagi tujuan membantu pelajar.

"Jika mahu mengejar keuntungan, kita boleh sahaja menjadi seperti kolej swasta lain tetapi kita



V. Ganabathirau

memilih untuk membantu rakyat meningkatkan taraf hidup," katanya ketika Majlis Penyerahan Tajaan Program Kemahiran Teknikal bagi sesi kemusukon Januari 2016, pada 7 mac lalu.

Majlis yang turut dihadiri Ketua Eksekutif INPENS, Rosli Ibrahim itu menyaksikan seramai 179 pelajar daripada sembilan jurusan kursus teknikal menerima tajaan.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam grad, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Grad, Kategori/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI SERTA MENJUI TERIMA SISTEM LIF BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN TEMPAT LETAK KERETA DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA (RATU II), FASA 2, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL(N) 012/(T)/2016	Terbuka	CIDB, SPKK & PKK Grad : G3/G4/G5/G6/G7 Kategori : ME Pengkhususan : M03	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 11.03.2016 (Jumaat) Selingga 24.03.2016 (Khamis)	RM301.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 31/03/2016 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447730/36

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh dicetak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Program khatam diteruskan sepanjang tahun

PULAU KETAM - Program Khatam dan Tadabbur Al-Qur'an anjuran Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) membabitkan wanita di negeri itu diteruskan lagi sepanjang tahun ini.

Pengerusinya, Datin Seri Shamshida Taharin, berkata ia diteruskan setelah mendapat sambutan menggalakkan.

"Kita lakukannya sejak tahun lalu di Kediaman Rasmi Menteri Besar setiap bulan. Alhamdulillah sambutan sangat menggalakkan dari masa ke semasa," ka-

tanya kepada SelangorKini.

Beliau menyifatkan program itu wajar disertai wanita muslim untuk mendalami kitab suci Al-Quran selain mengeratkan silaturahmi.

"Sangat gembira dengan sambutan diterima seperti program ini yang menyaksikan penyertaan bertambah setiap bulan.

"Kita mahu mengeratkan ukhuwah dan meraikan kesamaan antara kita serta menjadikan Al-Quran sebagai pedoman hidup," katanya.

Bimbang disenarai hitam JPJ

Pungut RM1.6 juta kompaun tertunggak

OLEH NAZLI IBRAHIM

PETALING JAYA - Sebanyak 114,463 kompaun tertunggak dengan nilai RM1.6 juta berjaya dikutip Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sepanjang kempen pembayaran kompaun bermula pada 1 Disember 2015 sehingga 29 Februari lalu.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata peningkatan mendadak bayaran kompaun tertunggak itu diperolehi ekoran kebimbangan orang ramai dikenakan tindakan sekatan memperbaiki cukai jalan.

"Bila kita lancar pada Disember 2015, sebanyak 32,124 kompaun dengan nilai RM495,000 dikutip tetapi pada Januari 2016 menurun 19,272 dengan nilai RM278,000 dan pada bulan Februari sahaja, meningkat sebanyak 63,067 kompaun diselesaikan dengan nilai kutipan RM834,480.

"Selepas ini kita hantar senarai mereka masih tertunggak bayang kompaun ini kepada Ja-



Mohd Azizi Mohd Zain

batan Pengangkutan Jalan (JPJ) berperingkat. Sebelum ini kita dah buat penilaian dengan menghantar 641 kes untuk disenarai hitam JPJ," katanya.

Beliau berkata daripada 641 kes disenarai hitam itu, 134 individu datang menjelaskan kompaun apabila mendapati cukai jalan kenderaan mereka tidak boleh diperbaharui tetapi mereka dikenakan bayaran

kompaun tanpa diskaun seperti ditawarkan semasa kempen sebelum ini.

Jelasnya, bagi peringkat kedua, MBPJ menghantar lebih 1,000 kes kompaun tertunggak lagi untuk disenarai hitam JPJ sebelum diikuti peringkat seterusnya.

"Kita tak boleh hantar banyak sekali gus sebab bukan kes MBPJ sahaja JPJ hendak uruskan. Pihak berkuasa tempatan (PBT) lain juga ada yang buat perkara sama," katanya.

Sebelum ini, MBPJ melancarkan kempen galakan membayar kompaun tertunggak dengan menawarkan potongan sebanyak 80 peratus bermula 1 Disember 2015 hingga 29 Februari 2016 sebelum tindakan disenarai hitam dilaksanakan.

Tawaran itu diberikan kepada notis kompaun dikeluarkan pada 1999 sehingga 2012 sementara kesalahan 2013 dan 2014 pula diberikan pengurangan sebanyak 20 hingga 40 peratus.

MPK kutip cukai taksiran RM71.67 juta

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatatkan kutipan cukai taksiran RM71.67 juta bagi penggal pertama 2016 yang berakhir pada 29 Februari lalu.

Yang Dipertuanya, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata kutipan itu meliputi cukai taksiran yang sepatutnya dikutip sebanyak RM80.7 juta sementara tunggakan berjumlah RM37.85 juta.

"Bagi cukai taksiran, kita berjaya mengutip RM62 juta atau 72 peratus secara keseluruhan, manakala tunggakan yang dikutip adalah RM7.97 juta dengan

prestasi 21 peratus," katanya.

Yasid berkata, mulai Mac 2016, pemilih harta yang enggan menjelaskan cukai taksiran akan diambil tindakan undang-undang termasuk dikenakan fi notis RM20 bagi setiap akaun cukai taksiran per penggal.

"Tindakan lain adalah menahan harta alih di bawah Peruntukan Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). "Selain itu, MPK juga akan menahan dan menjual hartanah di bawah peruntukan Seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)," katanya.



Laman 3D, Kebun Hidroponik produk terbaru Kompleks 3C

SUBANG JAYA - Seiring komitmen Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menggalakkan aktiviti perlancongan produk tempatan, fungsi Kompleks 3C kini tampil dengan produk terbarunya, Laman 3D dan Kebun Hidroponik.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata inisiatif berkenaan diharap mampu menarik lebih ramai pengunjung ke pusat komuniti itu bagi tujuan aktiviti riadah sekeluarga.

"Melalui produk Laman 3D ini, masyarakat setempat tidak lagi perlu ke Pulau Pinang untuk merakamkan gambar berbentuk 3D," katanya kepada pemberita selepas pelancaran produk 3C terbaru itu pada 8 Mac lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Muhammad Zaki Yusoff dan Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid.

Laman 3D memberi peluang kepada pengunjung bergambar menggunakan latar belakang lukisan 3D di lantai Laman 3C pada kadar RM10.

Lebih istimewa, Hannah berkata pengunjung yang hadir sekeluarga boleh menikmati kadar bayaran mengikut pakej keluarga pada kadar RM20, terhad kepada tiga kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

"Mereka yang datang berkeluarga boleh mendapatkan pakej harga lebih rendah supaya kita dapat tarik lebih ramai lagi masyarakat beriadah di kompleks ini," katanya.

Sementara itu, di Kebun Hidroponik, pula pengunjung boleh mendapat pot sayuran hidroponik seperti 'salad green coral' dan 'salad red coral' yang ditanam tanpa menggunakan bahan organik.

Menariknya, pengunjung diberi peluang memetik sayuran sendiri dengan kadar bayaran RM6 bagi setiap pakej.

Kompleks 3C dulunya dikenali sebagai 'Childred Creativity Centre' dibangunkan melalui projek inovasi MPSJ yang bertanggungjawab dalam pembangunan modal insan masyarakat setempat.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam grad, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Grad, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS PEJABAT PERTANIAN HULU SELANGOR DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Grad: G7/G6/G5/G4 Kategori: ME Pengkhususan: E02, E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 03/03/2016 (Khamis) Sehingga 17/03/2016 (Khamis)	RM234.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 24.03.2016 (Khamis) Sebelum Pada Jam 12.00 tengahari.

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dihendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkemampuan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dihendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Sijil Syarikat Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Reka bentuk baru

RM2.5 juta naik taraf surau seluruh Selangor

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.5 juta bagi pembangunan semula surau di seluruh Selangor dengan reka bentuk baru berdasarkan keperluan semasa.

Exco Hal Ehwal Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata reka bentuk surau bersesuaian dengan peruntukan itu masih di peringkat

kat penelitian.

"Setakat ini kita mengenal pasti beberapa surau di lima daerah iaitu Klang, Kuala Langat, Petaling, Ulu Selangor dan Ulu Langat.

"Setiap surau diperuntukkan RM500,000 untuk pembinaan baru mahupun naik taraf mengikut keperluan surau terbabit," katanya kepada SelangorKini.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam menyediakan peruntukan pembinaan surau, namun sejumlah pe-

runtukan dalam Belanjawan 2016 disediakan bagi membiayai pembinaan surau baru.

"Sebelum ini, pembiayaan naik taraf surau inisiatif daripada sumbangan masyarakat dan bantuan daripada Lembaga Zakat selangor (LZS).

"Kita juga mempertimbangkan sistem penghawa dingin di surau bersesuaian di kawasan berkenaan setelah meneliti beberapa faktor keperluan semasa," katanya.



Keadaan Maahad Tahfiz Darul Itqan yang hangus dijilat api dengan kerugian dianggarkan RM300,000

Sistem pendawaian punca kebakaran

SHAH ALAM - Penuntut Maahad Tahfiz Darul Itqan ditempatkan di bangunan sementara milik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) selepas bangunan sekolah berkenaan hangus dijilat api pada jam 5.40 pagi, pada 7 Mac lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sabak, Sallehen Mukhyi, berkata pihaknya membuat perbincangan bersama JAIS bagi tujuan memudahkan pelajar meneruskan pengajian seperti biasa.

"Kita sedang berusaha mendapatkan

sumbangan. Setakat ini, kita buat perbincangan bersama JAIS untuk tempatkan pelajar di bangunan lama mereka buat sementara waktu," katanya kepada SelangorKini.

Dalam kejadian itu, Maahad beroperasi sejak 1980 itu hangus dijilat api dan memusnahkan tiga buah kelas, sebuah stor dan bilik guru.

Kerugian dianggarkan berjumlah RM300,000.

Kejadian dipercayai berpunca daripada

masalah lintas pintas ekoran sistem pendawaian sekolah berkenaan yang tidak diselenggara dengan baik.

"Walaupun bangunan sekolah ditambah baik tiga tahun lepas tetapi masalah utamanya mungkin kerana pendawaian lama yang sudah digunakan sejak 1980 lagi," katanya.

Sementara itu, Balai Bomba Sabak Bernam mengesahkan menerima panggilan telefon jam pada 5.24 pagi berkenaan insiden itu.

LZS bantu bapa tunggal, dorong anak sekolah

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) proaktif turun padang menziarahi golongan kurang berkemampuan di seluruh Selangor.

Terbaru, hasil maklumat orang ramai, Eksekutif Agihan LZS daerah Kuala Selangor bersama pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat menziarahi keluarga miskin di Puncak Alam.

Menerusi laman sosial Facebook, LZS menziarahi keluarga itu berdasarkan maklumat orang ramai yang prihatin dan risau mengenangkan kanak-kanak dalam keluarga itu tidak bersekolah. Lelaki berstatus bapa tunggal itu terpaksa menguruskan tiga anaknya berumur 7, 11 dan 13 tahun selepas kematian isterinya pada Mei tahun lalu.

"Mungkin, faktor kehilangan ibu mereka menyebabkan anak ini kurang bersemangat ke sekolah. Hasil ziarah ini diharap supaya mereka lebih bersemangat bersekolah," katanya.

LZS memaklumkan pihaknya menyalurkan bantuan sewa rumah (sejak 2015), bantuan kewangan dan makanan bulanan, bantuan pendidikan (baju dan yuran) serta diberi bantuan pengangkutan anaknya ke sekolah bagi memudahkan beliau bekerja selepas ini.

"Semoga dengan bantuan ini dapat meringankan beban ditanggung dan dapat mencekahkan kehidupan keluarga ini," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
11 - 18 MAC 2016							
2-9 JAMADILAKHIR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imssak	Subuh	Syuru	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	5:56	6:06	7:20	1:26	4:37	7:27	8:36
12 Sabtu	5:55	6:05	7:20	1:26	4:36	7:27	8:36
13 Ahad	5:55	6:05	7:19	1:25	4:35	7:27	8:36
14 Isnin	5:55	6:05	7:19	1:25	4:34	7:27	8:36
15 Selasa	5:54	6:04	7:18	1:25	4:33	7:27	8:36
16 Rabu	5:54	6:04	7:18	1:25	4:33	7:27	8:35
17 Khamis	5:53	6:03	7:18	1:24	4:32	7:26	8:35
18 Jumaat	5:53	6:03	7:17	1:24	4:31	7:26	8:35
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imssak	Subuh	Syuru	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	5:58	6:08	7:24	1:28	4:39	7:30	8:38
12 Sabtu	5:57	6:07	7:23	1:28	4:38	7:29	8:38
13 Ahad	5:57	6:07	7:23	1:28	4:37	7:29	8:38
14 Isnin	5:57	6:07	7:23	1:27	4:36	7:29	8:38
15 Selasa	5:56	6:06	7:22	1:27	4:35	7:29	8:38
16 Rabu	5:56	6:06	7:22	1:27	4:35	7:29	8:38
17 Khamis	5:56	6:06	7:21	1:27	4:34	7:29	8:37
18 Jumaat	5:55	6:05	7:21	1:26	4:33	7:28	8:37

KEMPEN KESEDARAN WUDUK SEMPURNA Jimat Air

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Diterbitkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

Komitmen lahir golongan bekerjaya

MITs tampung 600 pelajar dijangka siap 2018

OLEH NAZLI IBRAHIM

SEPAANG - Pembinaan dua Maahad Tahfiz Integrasi Sains dan Teknologi (MITs) di Selangor dijangka siap sepenuhnya pada 2018, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, MITs di Pandan dan Bagan Lalang yang dibina melalui peruntukan RM52 juta itu tanda komitmen Kerajaan Negeri melahirkan golongan bekerjaya dengan menjadikan Al-Quran sebagai teras kehidupan.

"Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihya Ulumuddin berkata, pembelajaran agama dan

Al-Quran harus diimbangi dengan pembelajaran ilmu dunia.

"Mempelajari ilmu dunia adalah fardu kifayah bagi umat Islam manakala ilmu agama adalah fardhu ain.

"Maka atas tuntutan ini, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM 52 juta untuk membina MITs yang akan menempatkan 600 pelajar dengan kurikulum bersepadu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1437H/2016M di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi di

sini, pada 2 Mac lalu.

Mohamed Azmin turut yakin usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berorientasikan Al-Quran mampu menjadi wadah terbaik melahirkan ilmuan Muslim.

"Mudah-mudahan rasa cinta terhadap Al-Quran dalam kalangan masyarakat kita akan menebal dan kian meningkat dari masa ke masa," katanya.

Selain MITs, Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM18 juta untuk membina tiga Maahad Tahfiz baru dan RM3 juta bagi menaik taraf Maahad Tahfiz Darul Qura di Sabak Bernam.



Perpustakaan mini manfaatkan 500 Orang Asal Pulau Carey



KUALA LANGAT - Penambahbaikan perpustakaan mini di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey mampu memberi manfaat kepada lebih 500 masyarakat Orang Asal di sini.

Ketua Kampung, Sidin Anak

Bujang, berkata aspek pendidikan terus menjadi teras utama kepada anak Orang Asal ke arah jaminan masa depan lebih baik.

"Dengan projek ini, diharapkan pendidikan anak Orang Asal tidak terabai supaya kehidupan kami lebih bertambah baik pada masa depan.

"Walaupun tinggal di kampung (luar bandar), pendidikan masih lagi menjadi keutamaan dan diharap anak Orang Asal boleh menggunakan perpustakaan ini sebaiknya," katanya pada 6 Mac lalu.

Beliau berkata demikian selepas ditemui pada Majlis Penyerahan Perpustakaan Mini Kampung Sungai Bumbun oleh Pengarah *Programme on Gradu-*

ate Employability Enhancement (PROGRESS), Azman Ibrahim.

Perpustakaan terletak berdekatan Sekolah Kebangsaan Sungai Bumbun ditambah baik daripada sudut infrastruktur dan penambahan buku pendidikan pelbagai peringkat umur.

Ia adalah projek tajaan Kerajaan Negeri dengan kolaborasi Irshad HR Consulting, syarikat yang memberi tumpuan kepada program berteraskan Smart Selangor.

Sementara itu, masyarakat yang ingin menderma pelbagai jenis buku dialu-alukan untuk menghubungi Atiqah Jafri di talian, 0132254675 dan Elmi Farhana 01118623632.



Wujudkan kokurikulum silat di sekolah agama

SHAH ALAM - Bagi memastikan seni persilatan Melayu tidak pupus ditelan zaman, Ahli Dewan Negeri (ADN) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman mencadangkan kokurikulum silat diwujudkan di sekolah agama di negeri itu.

Beliau berkata, jika ia berjaya dilaksanakan, Selangor bakal menjadi negeri pertama mengangkat seni persilatan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah agama.

"Setiap bangsa mempunyai identiti adat dan seni masing-masing dan silat adalah seni milik Melayu.

"Bagaimanapun, kehebatan

Melayu sebagai sebuah bangsa adalah kerana agama Islam yang dianutinya.

"Justeru, kita usahakan pertemuan membabitkan semua penggerak persatuan silat tanpa meninggalkan perguruan silat kecil di kampung tradisi untuk bertemu Exco berkaitan dalam masa terdekat," katanya kepada SelangorKini pada 3 Mac lalu.

Terdahulu, Mohd Khairuddin yang mewakili Exco Hal Ehwal Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi merasmikan Festival Dunia Seni Silat Melayu Selangor di Galeri Shah Alam, di sini.

PROGRESS bantu graduan bentuk jati diri

KUALA LANGAT - Pelajar lepasan universiti yang belum mendapatkan pekerjaan berpeluang mengikuti kursus komprehensif secara percuma dengan menyertai *Programme on Graduate Employability Enhancement (PROGRESS)*.

Eksekutif Konsultan Irshad HR Consulting, Kamaruzaman Mohamad, berkata 100 peserta dipilih untuk menjadi sukarelawan program khidmat masyarakat itu bagi tujuan membentuk jati diri.

"Mereka akan diajar daripada aspek pengurusan dan penyediaan sesuatu majlis melalui program

khidmat masyarakat kepada masyarakat setempat.

"Ia sebagai persediaan sebelum berada dalam dunia pekerjaan sebenar sekali gus menjadikan mereka lebih bersedia selepas ini," katanya kepada SelangorKini.

PROGRESS adalah projek seliaan syarikat Irshad HR Consulting dengan tajaan Kerajaan Negeri yang memberi peluang kepada anak Selangor yang masih belum mendapatkan pekerjaan dalam tempoh empat hingga tujuh bulan.

Bukan gadis litar biasa

Fifi kendali jentera bukti kemampuan



"FIM Malaysia memilih saya untuk beraksi di Sepanyol bersama 20 pelumba lain daripada pelbagai negara. Alhamdulillah saya mendapat tempat ketiga dalam perlumbaan itu," katanya.

Menyentuh soal persediaan tahun ini, Fifi bakal beraksi bersama pasukan baru, BHPetrol Dash Tabuan Racing Team yang berpengkalan di Cheras bagi mengaharungi saingan Malaysia Cub Prix

2016 dalam kategori CP115. "Saya berhasrat untuk menamatkan setiap perlumbaan selain menasarkankan kedudukan 10 terbaik sebelum memasang impian lima terbaik," katanya.

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kehebatan wanita dalam sukan permotoran lebih menarik perhatian untuk dipertakatakan meskipun sukan ini sinonim dipelopori golongan lelaki.

Sifat lasak dan semangat juang tinggi menjadi bekal buat Siti Norafizah Muhamad, 21, meneruskan cita-cita beraksi di peringkat profesional sejak mula berjinak dengan sukan *mini bike* pada usia 9 tahun.

"Saya suka aktiviti lasak sejak kecil sudah bermain motosikal dan Alhamdulillah menang pada perlumbaan pertama di Indahpura, Kulai.

"Selepas itu ayah hadiahkan motosikal baru untuk saya," katanya kepada SelangorKini.

Lebih sinonim disapa Fifi, gadis berasal daripada Kampung Ayer Manis, Kulai, Johor berkongsi kisah permulaan penglibatan dalam sukan *mini bike* sehingga usia 15 tahun sebelum beraksi dalam kategori Wira pada 2011.

Pada 2012, beliau mula mendapat pendedahan profesional di Sepang bersama pasukan Bike Art Racing bagi kategori Ninja 250cc Cup selain beraksi dalam Malaysia Cub Prix bersama pasukan JN Motorev pada tahun sama.

Mula beraksi dalam kategori

Ninja 250cc Open bersama Bike Art Racing pada 2013, namun beliau memilih berlumba bersama pasukan sendiri bagi kategori Malaysia Cub Prix.

Musim 2014 dan 2015 menjadi tahun gemilang apabila beliau mengungguli kategori Ninja 250cc Open bersama Bike Art Racing selaku juara keseluruhan selain menduduki tempat ketiga keseluruhan dalam Malaysia Cub Prix 2015 dalam kategori Pro Am bersama ZMP Manualtech.

Bagi anak keempat daripada lima adik beradik, tiada yang mustahil bagi wanita meletakkan diri mereka untuk terus bersaing sukan yang dipelopori kaum lelaki dan ia sudah dibuktikan sebelum ini.

"Ramai orang berkata wanita tempatnya di dapur dan tidak manis jika melakukan kerja lelaki.

"Saya rasa wanita juga boleh lakukan aktiviti lelaki asalkan sesuai dan tidak melampaui batas," katanya.

Menjadikan penunggang Moto3 pasukan Laglisse daripada Sepanyol, Maria Herrera sebagai idola sukan permotoran, Fifi gembira selepas terpilih untuk beraksi mewakili Malaysia dalam perlumbaan *FIM WOMEN'S in Motorcycles* di Almeria, Sepanyol tahun lalu dan berjaya menaiki podium.

013 - 269 1489 / 017 - 356 2628 | broga trail run 2016

BROGA Trail Run 2016

(ALL CATEGORIES) RACE START 7.00AM

20 MARCH 2016 (SUNDAY)
VENUE START & FINISH: TESCO SEMENYIH (OPEN CARPARK)
Distance 14KM (RACE) & 6KM (FUN RUN)

REGISTER & RUN NOW!
www.myraceonline.com
Be a Winner (1st ~ 10th) & Stand Chance to Win Cash Prize over RM4400* & Trophy

Admission fees		
CATEGORY	EARLY BIRD	NORMAL FEES
MEN'S OPEN	RM 60	RM 70
MEN'S SENIOR	RM 60	RM 70
WOMEN'S OPEN	RM 60	RM 70
WOMEN'S SENIOR	RM 60	RM 70
FUN RUN (MEN & WOMEN)	RM 40	RM 50

RUNNER ENTITLEMENT
Dry fit Running T-Shirt, Finisher Medal, Personal Bib Number, Goodies Bag & Food Refreshment (14KM RACE & FUN RUN) + Time System (any-laps) & E-Certificate (14KM RACE only)

Lucky Draw

ORGANISED BY: KAMPUNG MANIS MARATHON SEMENYIH | COLLABORATION WITH: SELANGOR #SmartSelangor

Dengan Kerjasama: PETRONAS, MAEPS

Cub Prix PUSINGAN 1
Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS
Litar MAEPS, Serdang (Tapak MAHA)
12-13 Mac 2016
Masuk Percuma!

www.malaysiacubprix.com | facebook.com/MalaysiaCubPrix | twitter.com/malaysiacubprix | youtube.com/TheMalaysiaCubPrix



Fifi kendali jentera bukti kemampuan

JADIKAN KEKALAHAN PENGAJARAN

Red Giants perlu bangkit

OLEH HAFIZAN TAIB

MELAKA - Selangor diharap menjadikan kekalahan di tangan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam Piala FA sebagai pengajaran untuk bangkit mencipta kejayaan selepas ini.

Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan berharap pemain akan melupakan kekecewaan dan memberi sepenuh tumpuan kepada perlawanan seterusnya.

"Kita menguasai permainan cuma peluang tidak digunakan dengan baik.

"Saya harap pemain bangkit daripada kekalahan malam ini (4 Mac). Memang kecewa (dengan kekalahan dialami),"katanya kepada media di sini.

PDRM mengalahkan Selangor 2-1 dalam pusingan ketiga Piala Fa di Stadium Hang Jebat di sini untuk melangkah ke suku akhir.

Gol The Cops dijaringkan Ahmad Nizam Rodzi (m38) dan Safuwani Baharudin (m58) manakala gol tunggal The Red Giants dihasilkan Patrick Ronaldinho Wleh (m86).

Zainal berkata, Selangor terpaksa menerima kekalahan, biarpun menguasai permainan.

"Kita melepaskan banyak peluang, walaupun menguasai permainan lebih kurang 70 peratus, tetapi dalam bola sepak ini yang kita akan alami apabila tidak menjaringkan gol.

"Kelalaian kita memberikan dua gol kepada pasukan lawan kerana mereka tidak banyak membuat

serangan tetapi mengambil peluang dengan baik,"katanya yang berharap pemain The Red Giants mendapat pengajaran daripada kekalahan itu.

Dalam saingan Liga Super sebelum ini, Selangor sering ketinggalan dengan pihak lawan menjaringkan gol awal tetapi bangkit untuk memenangi perlawanan seperti mana dilakukan ketika menentang Pahang (3-1) dan Sarawak (4-2).

Bagaimanapun, dalam Piala FA menentang PDRM kali ini, Selangor gagal mengulanginya.

Pengurus pasukan, Amirudin Shari berkata, skuad Merah Kuning melepaskan peluang memenangi perlawanan meskipun berdasarkan undian mereka berupaya melakukannya.

Antara punca kekalahan itu, katanya, pemain gagal menyesuaikan diri pada awal permainan dan gagal membuat 'comeback' apabila ketinggalan kepada pihak lawan.

"Tiada pasukan yang gembira dengan kekalahan, kita sudah terlepas satu piala dan walaupun kita tidak sasarkan tetapi berdasarkan undian dibuat kita dilihat berpeluang.

"Bagaimanapun ada hikmah yang harus diterima dengan pemain mendapat sedikit rehat untuk meneruskan cabaran dalam Liga Super, Piala AFC dan seterusnya Piala Malaysia,"katanya.



Kita melepaskan banyak peluang, walaupun menguasai permainan lebih kurang 70 peratus, tetapi dalam bola sepak ini yang kita akan alami apabila tidak menjaringkan gol



FAM diharap tingkat kualiti bola sepak negara

MELAKA - Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) diharap mampu meningkatkan kualiti pengurusan dan seterusnya pencapaian bola sepak negara selepas ini.

Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari, berkata keputusan Majlis Exco yang mahukan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah kekal sebagai Presiden FAM seharusnya dilihat dari sudut positif demi kebaikan sukan bola sepak negara.

"Saya tidak terbabat langsung dengan FAM. "Cuma saya rasa pandangan semua pihak perlu dilihat,"katanya kepada media di Stadium Hang Jebat di sini, pada 4 Mac lalu.

Baru-baru ini, Majlis Exco FAM membuat keputusan menolak perletakan jawatan Tengku Abdullah sebagai Presiden badan induk bola sepak negara dengan alasan kepimpinannya masih diperlukan.

Tengku Abdullah mengambil keputusan melepaskan jawatan selepas kecewa ekoran

kekalahan memalukan pasukan kebangsaan di tangan Emiriah Arab Bersatu (UAE) 10-0 dalam saingan kelayakan Piala Dunia. Amirudin selaku Exco Sukan Selangor berkata, perancangan selanjutnya perlu ditandakan supaya bola sepak negara mencapai kemajuan membanggakan.

"Apa yang penting kita mahu lebih maju ke hadapan untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengurusan bola sepak kita,"katanya.

KEDUDUKAN LIGA SUPER										
Kedudukan Terkini 8 Mac 2016										
	P	MT	M	S	K	J	B	+	-	
1	Selangor FA	4	10	3	1	0	9	4	5	
2	Darul Takzim	4	10	3	1	0	7	2	5	
3	Felda United	4	9	3	0	1	7	3	4	
4	Kedah FA	4	7	2	1	1	3	3	0	
5	Terengganu FA	4	6	2	0	2	3	4	-1	
6	Penang FA	4	5	1	2	1	7	5	2	
7	Kelantan FA	4	5	1	2	1	4	4	0	
8	PDRM FA	4	5	1	2	1	4	4	0	
9	Perak FA	4	3	0	3	1	1	2	-1	
10	PB DKT T-Team	4	2	0	2	2	3	7	-4	
11	Sarawak FA	4	1	0	1	3	5	9	-4	
12	Pahang FA	4	1	0	1	3	5	11	-6	

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan